


Jilid II
BIL. 29



Hari Jumat
17hb Oktober, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 3791]

USUL:
Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 3827]

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K.
(Johor) (Sri Gading).**

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M. S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.,
(Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,
K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P.
(Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.
(Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T.
(Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK P.N.B.S.
(Kanowit).

**Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN,
S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).**
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T. S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
 - „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
 - „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
 - „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG alias ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
 - „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
 - „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL alias GEORGE ABBAH (Bandau).
 - „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
 - „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
 - „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
 - „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
 - „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
 - „ DATUK PATINGGI TAN SRI (Dr) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
 - „ DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
 - „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
 - „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
 - „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
 - „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K., (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ Dr CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O.K.K. Haji Asneh, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.M.P.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
" TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
" TUAN TING CHEK MING (Bruas).
" TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
" TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
" WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
" WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
" TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
" DATUK DR. WONG SOOI KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
" TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
" PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
" DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
" DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD.
JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
" TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
 Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
 Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
 Penolong Setiausaha: Abdullah bin Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
 Penolong Penyunting: P. B. Menon.
 Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

- N. Ramaswamy.
- Louis Yeoh Sim Ngoh.
- Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
- Suhor bin Husin.
- Amran bin Ahmad.
- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
- Margaret Chye Kim Lian.
- Puan Ng Chong Kin.
- Puan Kong Yooi Thong.
- Juliah binti Awam.
- Supiah binti Dewak.
- Ismail bin Hassan.
- Shamsiah binti Mohd. Yusof.
- Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 17hb Oktober, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

4.05 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulan-wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1981 serta menguntukkan wang tersebut bagi kegunaan perkhidmatan tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

Strategi dan Prestasi Belanjawan 1980

Tahun lepas, Belanjawan Negara telah dirancangkan dengan mengambilkira suasana ekonomi dunia yang saya sifatkan sebagai "muram dan tidak menggalakkan". Sebenarnya suasana ekonomi dunia yang diramalkan itu telah menjadi lebih rumit dari yang disangkakan.

Strateji Belanjawan 1980 adalah bertujuan untuk "menentang arah-aliran rosotan dan melawan inflasi".

Itulah sebabnya Belanjawan 1980 perlu memberi peruntukan lebih daripada \$20.7 ribu juta bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, dan potongan cukai sebanyak \$482 juta.

Kalau kita semak kembali, nyatahlah Strategi Belanjawan 1980 itu bukan sahaja telah membawa kesan yang berfaedah, tetapi juga telah membolehkan ekonomi Malaysia mencapai prestasi yang lebih baik daripada yang diharapkan.

Berkat langkah-langkah Belanjawan yang berani yang telah dijalankan itulah maka ekonomi Malaysia sekarang dapat dianggarkan berkembang sebanyak kira-kira 8% dari segi sebenar dalam tahun 1980. Ini berbanding dengan apa yang telah dianggarkan dalam Belanjawan dahulu sebanyak 6.5%. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh perbelanjaan sektor awam yang bertambah banyak dan juga oleh dasar-dasar fiskal dan pengurusan wang yang dinamis. Pelaburan dari pihak swasta, yang nyata sekali telah mengikut jejak inisiatif pelaburan dari Kerajaan, juga telah meningkat begitu baik sekali, sebanyak lebih daripada 18% dari segi sebenar. Dengan hal demikian, ekonomi Malaysia telah berjaya mengatasi suasana, dan muncul dengan kekuatan dan ketahanan yang lebih utuh daripada yang disangka, walaupun ekspot kita berkembang agak perlahan dan impot kita meningkat lebih tinggi pada nisbahnya di bidang barang-barang dan perkhidmatan. Pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan ini telah berpunca terutama sekali dari industri-industri perkilangan dan pembinaan dan juga dari sektor Kerajaan.

Angkatunjuk harga pengguna, pada keseluruhannya, sekarang dianggarkan akan meningkat sebanyak kira-kira 7% tahun ini, berbanding dengan kadar di antara 5% hingga 6% yang telah dianggarkan dalam Belanjawan dahulu. Tetapi syukurlah yang inflasi kita ini masih lagi di antara yang paling rendah di dunia, sementara ekonomi kita di antara yang paling pesat kadar perkembangannya.

Tidak syak lagi bahawa inflasi yang lebih tinggi ini adalah terutama sekali disebabkan oleh berterusannya inflasi yang diimpor yang samasekali tidak dapat dielakkan terbit dari sifat ekonomi kita yang terbuka. Kos minyak yang semakin meningkat juga telah menyebabkan harga naik dalam negeri. Kadar inflasi ini harus lebih tinggi lagi kalau lauh

langkah-langkah anti-inflasi tidak diambil dalam Belanjawan tahun lalu dan di sepanjang tahun ini.

Imbangan pembayaran kita terus tetap kukuh. Sungguhpun impot kita meningkat tinggi kerana kita hendak mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, dan sungguhpun ekspot kita agak lembab pada nisbahnya, tetapi cadangan pertukaran luar negeri Malaysia sudahpun meningkat sebanyak kira-kira \$1,000 juta dan dianggarkan menjadi kira-kira \$10.2 ribu juta menjelang akhir tahun ini. Cadangan ini dijangka cukup untuk membiayai enam bulan impot tertangguh. Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun ini juga dijangka akan membawa hasil yang lebih besar dari yang diramalkan dalam Ucapan Belanjawan 1980 dahulu. Lebihan akaun semasa yang dahulu dianggarkan \$33 juta itu sekarang dianggarkan sebanyak kira-kira \$876 juta. Dengan lebihan yang begini tinggi maka berkuranglah keperluan kita hendak meminjam untuk membiayai pembangunan.

Strategi Belanjawan bagi 1981

Oleh sebab-sebab yang saya katakan tadi maka Strategi Belanjawan sudah seharusnya-lah ditujukan untuk menentang kesan-kesan buruk dari suasana ekonomi antarabangsa. Jadi terpaksa kita berusaha leb' h keras lagi bagi menggalak serta menggerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi di dalam negara kita sen iri. Yang harus kita buat ialah berusaha terus membina ekonomi kita atas landasan kepesatan kemajuan yang selama ini telah diatur dan disusun begitu rapi oleh Kerajaan, supaya dapat kitakekalkan dan majukan lebih jauh lagi kegiatan ekonomi kita di tahap yang lebih tinggi.

Secara lebih khusus, Strategi Belanjawan kita akan ditujukan:

- (i) untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi dan berterusan untuk menjamin supaya pendapatan rakyat dari segi sebenar akan bertambah tinggi; dan serentak dengan itu
- (ii) untuk membendung inflasi dalam negeri;
- (iii) memberi manfaat terutama sekali kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti pekebun kecil getah, pesawah padi, peniaga-peniaga kecil, dan lain-lain.

Pertumbuhan Ekonomi

Yang menjadi keistimewaan dalam pengalaman ekonomi Malaysia ialah pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kerajaan sedar bahawa ekonomi yang kukuh adalah syarat yang penting bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi negara kita iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Hakikat ini adalah sentiasa dicerminkan dalam dasar-dasar ekonomi kita. Oleh itu saya berpendapat adalah mustahak bahawa Belanjawan tahun 1981 hendaklah menekankan perkembangan ekonomi yang berterusan serta berkekalan. Ini adalah benar memandangkan bahawa kemerosotan ekonomi dunia masih berterusan. Belanjawan tahun 1981 dengan itu akan memberi keutamaan kepada perkembangan infrastruktur dan keupayaan ekonomi negara yang produktif. Kerajaan akan terus meningkatkan pelaburan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal, kemudahan-kemudahan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih luas dan baik. Oleh itu Belanjawan tahun 1981 ini akan meningkatkan kedua-dua perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dengan banyaknya. Ini akan menggalakkan kegiatan yang tinggi dalam seluruh sistem ekonomi. Ini bukan sahaja mungkin tetapi bijak dilakukan sebab kedudukan kewangan kita kukuh dan oleh itu dapat terus memainkan peranan yang menggalakkan perkembangan tanpa menyulitkan soal kewangan. Ini akan dilakukan supaya struktur ekonomi kita bertambah kuat dan supaya dapat menggalak dan membantu sektor swasta untuk memperhebatkan kegiatan dan perkembangan perniagaan mereka.

Strategi Belanjawan akan mengutamakan sektor-sektor ekonomi yang mempunyai potensi yang baik untuk mencapai pertumbuhan yang produktif terutama sekali dalam jangka pendek. Sektor-sektor pembinaan, perumahan, makanan dan perniagaan-perniagaan kecil mempunyai potensi ini dan boleh berkembang dengan berkesan dalam tempoh jangka-pendek untuk menambah dan menguatkan perkembangan ekonomi dalam sektor-sektor produktif yang lain.

Belanjawan 1981 terutama sekali bertujuan untuk menambah pengeluaran melalui langkah-langkah yang akan menghapuskan segala yang menghalang keupayaan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh itu, pelaburan-pelaburan dalam bidang pelajaran, kesihatan

dan latihan akan ditambah dengan banyaknya untuk meningkatkan produktiviti. Tekanan akan juga diberi terhadap menghapuskan halangan-halangan dalam pembekalan pekerja-pekerja mahir, terutamanya dalam industri pembinaan yang dijangka akan dapat mendorongkan lagi kegiatan dan perkembangan ekonomi yang lebih pesat.

Tuan Yang di-Pertua, strategi memperkembangkan ekonomi ini akan dirancang dengan teliti untuk mempastikan supaya matlamat Belanjawan ini tidak bercanggah dengan keperluan mengawal kenaikan harga. Oleh itu Strategi Belanjawan ini telah dirancang untuk menambah daya pengeluaran dan dengan itu meredakan tekanan-tekanan inflasi.

Langkah-langkah Belanjawan

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya mencadangkan supaya \$23,077 juta diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1981 untuk kegunaan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan. Wang sebanyak \$14,600 juta akan diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus, dan \$8,477 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Peruntukan-peruntukan besar dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1981 ialah \$2,805 juta untuk Pelajaran, \$892 juta untuk Kesihatan, \$1,700 juta untuk Pertahanan, \$724 juta untuk Polis, dan \$978 juta untuk Perkhidmatan Ekonomi.

Pelajaran

Peruntukan besar yang dicadangkan untuk Kementerian Pelajaran adalah berkait dengan;

(a) Pertambahan bilangan penuntut di semua peringkat tiap-tiap tahun; (b) Pelaksanaan perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran; (c) Penambahan kemudahan-kemudahan pelajaran, terutama di kawasan luarbandar. Peruntukan itu termasuklah perbelanjaan yang banyak bagi meningkatkan kualiti guru-guru melalui program-program latihan yang lebih luas.

Kesihatan

Dari jumlah yang dicadangkan bagi Kesihatan, sebahagian besarnya adalah untuk Program Rawatan Perubatan dan Program Kesihatan Awam. Peruntukan bagi Program Kesihatan Awam akan ditambah dari \$168

juta kepada \$191 juta dalam tahun 1981 bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh berikut dengan berambahnya kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan khususnya di kawasan-kawasan luarbandar. Bagi Program Rawatan Perubatan peruntukan akan ditambah dari \$434 juta kepada \$455 juta untuk menampung perbelanjaan tambahan kakitangan dan juga kemudahan-ke-mudahan hospital.

Keselamatan

Peruntukan sebanyak \$1,700 juta bagi Pertahanan kebanyakannya diperlukan untuk membiasai pembesaran Angkatan Tentera. Bagi Polis, peruntukan sebanyak \$724 juta diperlukan untuk bekalan dan penyenggaraan yang meningkat.

Perkhidmatan-perkhidmatan Ekonomi

Peruntukan yang dicadangkan bagi Perkhidmatan-perkhidmatan Ekonomi adalah untuk perbelanjaan mengurus bagi pembangunan pertanian, perdagangan dan perusahaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan serta juga pengangkutan dan perhubungan.

Belanjawan Pembangunan 1981

Tuan Yang di-Pertua, untuk Pembangunan, saya cadangkan peruntukan sebanyak \$8,477 juta bagi tahun 1981. Selain daripada ini kuasa telahpun diberi untuk membolehkan perbelanjaan dibuat bagi projek-projek yang sudah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Berdasarkan kepada peruntukan yang dicadangkan itu Perbelanjaan Pembangunan sebenar adalah dijangka berjumlah kira-kira \$6,140 juta iaitu meningkat sebanyak \$1,000 juta atau 19.5% lebih dari Perbelanjaan Pembangunan yang telah dianggarkan bagi tahun 1980.

Wang sebanyak \$3,797 juta atau 45 peratus dari jumlah anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1981 adalah diperuntukan bagi sektor ekonomi. Ini adalah selaras dengan objektif-objektif Kerajaan hendak mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Pembangunan Pertanian dan Tanah

Peruntukan bagi Pembangunan Pertanian dan Tanah akan terus mendapat keutamaan yang tinggi. Oleh itu, wang sebanyak \$1,968 juta akan diperuntukkan bagi maksud ini.

Selaras dengan dasar Kerajaan hendak membasmi kemiskinan maka lebih banyak lagi kawasan akan diusahakan di bawah rancangan pembangunan pertanian, melalui rancangan-rancangan pembangunan tanah FELDA, FELCRA dan projek-projek pembangunan kawasan di bawah Kementerian Pertanian untuk faedah 313,000 keluarga petani.

Kira-kira \$505 juta adalah diperuntukkan bagi penyertaan Kerajaan secara langsung terutama sekali di bidang penanaman getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain tanaman untuk ekspot, melalui pembukaan kira-kira 165,000 ekar tanah hutan yang belum dibuka dan kira-kira 27,000 ekar untuk dipulihkan. Sebanyak kira-kira \$111 juta lagi sudahpun disediakan untuk membina kemudahan-kemudahan infrastruktur sosial supaya memudahkan pembangunan di kawasan-kawasan ini.

Sejumlah kira-kira \$325 juta adalah diperuntukkan bagi program-program pembangunan pertanian dan bandar melalui Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah.

Satu ciri baru dalam pembangunan tanah ialah pembangunan kira-kira 1,180 ekar di dalam tiga kawasan di bawah rancangan pembangunan tempat-tempat yang sudah sedia ada. Tempat-tempat ini ialah Teratak Batu, Pasir Putih, Kelantan; Kampong Kok, Langkawi, Kedah; dan Kampong Betong, Ulu Brang, Trengganu. Ini adalah suatu percubaan untuk menyatakan pembangunan dan pemajuan tanah melalui usaha-usaha sukarela. Kalau percubaan ini berjaya maka bolehlah ia dijadikan contoh bagi tempat-tempat yang lain pula.

Perdagangan dan Perindustrian

Sekarang kita beredar ke bidang Perdagangan dan Perindustrian yang juga diberi peruntukan yang besar. Pada keseluruhannya sektor ini memang sudah lama mendapat galakan dan sokongan yang cukup dari Kerajaan dengan bermacam-macam jenis galakan. Ini telah berhasil dengan pelaburan swasta yang ghairah, terutama sekali di sektor perkilangan. Walaupun begitu, peruntukan akan ditambah lagi untuk mempertegap asas ekonomi negara dalam bidang perindustrian dan perdagangan dan untuk penyusunan semula masyarakat. Oleh itu kira-kira \$559 juta diperuntukkan bagi memperkembangkan lagi perusahaan-perusahaan awam dan juga menambahkan bilangan

kawasan-kawasan perindustrian di dalam negeri. SEDC akan diperuntukkan \$45 juta, dan UDA \$60 juta untuk rancangan pembaruan bandar dan program pembangunannya. Sebanyak \$385 juta dikhaskan untuk Perusahaan-perusahaan Awam termasuklah kira-kira \$70 juta untuk PERNAS dan \$125 juta bagi Perbadanan Perusahaan-perusahaan Berat yang akan terlibat dalam projek-projek kilang besi waja gulungan, kilang logam kepingan dan projek peleburan.

Menyemak semula Elaun Susutan

Galakan-galakan perindustrian yang ada sekarang juga diperkemaskan untuk membantu industri. Pada masa ini sistem mengira susutan nilai atas loji dan mesin-mesin bagi maksud cukai pendapatan adalah berdasarkan kepada asas nilai yang menurun. Sistem ini membenarkan elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan pada kadar-kadar yang ditetapkan berdasarkan kepada nilai baki harga tersebut. Menurut cara ini, maka sesuatu harta terpaksalah mengambil masa yang panjang untuk dilupuskan. Sebagai langkah untuk menggalakkan pemodenan loji dan mesin, saya mencadangkan supaya sistem yang ada sekarang ini digantikan dengan sistem purata. Menurut cara ini elaun susutan akan diasaskan kepada nilai asal. Dengan cara ini aliran kewangan syarikat boleh ditentukan dari awal lagi oleh kerana modal akan dapat dihapuskira, di dalam tempoh masa yang lebih singkat. Ini akan memberi faedah kepada usahawan-usahawan kerana ini akan memudahkan mereka membuat perancangan kewangannya. Berhubung dengan ini kadar-kadar elaun susutan atas berbagai-bagai jenis loji dan mesin akan disemak semula.

Cukai atas keuntungan berlebihan

Sebagai langkah penyelarasannya seterusnya adalah dicadangkan supaya dividen yang dibahagikan oleh syarikat yang bermastauan di Malaysia kepada syarikat-syarikat pemegang sahamnya (intercorporate dividend) tidak akan dikenakan cukai atas keuntungan berlebihan. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan pengenaan cukai keuntungan di beberapa peringkat ke atas pendapatan syarikat-syarikat yang dibahagikan kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Penentuan taraf pemastautin dan pencukaian ke atas pakar-pakar asing

Dengan bertambahnya perkembangan dan pemodenan industri di negara ini, kita memerlukan banyak lagi pakar-pakar asing untuk membantu kita dalam pemindahan teknologi. Walau bagaimanapun peruntukan di dalam Akta Cukai Pendapatan sekarang, berkenaan penentuan taraf pemastautin seorang pembayar cukai adalah agak ketat. Akibatnya, terdapat kes-kes di mana pakar-pakar asing dikenakan cukai sebagai pembayar bukan pemastautin iaitu pada kadar tetap sebanyak 40%, walhal adalah lebih adil bagi mereka ini dikenakan cukai sebagai pemastautin dengan kadar cukai yang berperingkat-peringkat. Dari itu, peruntukan yang ketat ini tidak menggalakkan kemasukan pakar-pakar asing yang memang diperlukan. Untuk memperbaiki keadaan ini saya mencadangkan pindaan yang sesuai ke atas Akta Cukai Pendapatan, supaya tempoh mereka meninggalkan negara ini buat sementara waktu atas sebab-sebab yang tertentu diterima sebagai sebahagian daripada tempoh tinggal di Malaysia yang layak dikira. Sebab-sebab yang tersebut ialah: (a) perkara berhubung dengan perkhidmatan (b) menghadiri persidangan, seminar atau pun belajar di luar negeri berkaitan dengan tugasnya di Malaysia (c) masalah kesihatan melibatkan dirinya atau pun sebarang ahli keluarganya yang rapat (d) lawatan sosial tidak melebihi 14 hari.

Pengangkutan

Supaya dapat digalakkan lagi pertumbuhan dan perkembangan sektor swasta, Kerajaan akan terus mengada dan memperbaik infrastruktur yang diperlukan. Sebanyak \$1,055 juta disediakan untuk Sektor Pengangkutan yang termasuk \$683 juta untuk Jalanraya dan Jambatan, \$150 juta untuk Penerbangan Awam, \$147 juta untuk Pelabuhan dan Jabatan Laut dan \$68 juta untuk Keretapi. Program untuk membina Jalanraya dan Jambatan meliputi projek-projek seperti lebuhraya, jalan-jalan utama antara negeri dan jambatan-jambatan di seluruh negara. Selain dari itu satu projek lebuhraya yang baru yang akan menghubungi bandar-bandar utama dari sempadan Thai-Malaysia sampai ke Johor Bahru akan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya yang baru ditubuhkan. Kos projek jangka-panjang ini ialah kira-kira \$2,750 juta. Untuk

Program Jalan-jalan Kampong pula, peruntukan sebanyak \$305 juta disediakan bagi tahun 1981.

Kesemua lapanganterbang utama di dalam negeri akan diperbesarkan dan diperbaiki untuk menampung pengangkutan penumpang dan kargo yang semakin meningkat. Projek pembesaran ini meliputi mengemaskinikan sistem radar dan sistem peralatan mendarat, dan memperbaik kemudahan-kemudahan lapanganterbang di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuala Trengganu, Kuching dan Kota Kinabalu.

Pelabuhan dan Laut

Kira-kira \$142 juta dicadangkan untuk memperluas pelabuhan-pelabuhan yang ada dan membina yang baru. Pembangunan Air Dalam Bintulu berharga \$400 juta, yang merupakan salah sebuah projek terbesar yang dilaksanakan oleh Kerajaan, akan diteruskan di dalam tahun 1981 dengan peruntukan sebanyak \$87 juta. Pelabuhan Kelang akan diperuntukkan sebanyak \$9.5 juta untuk meluaskan Selat Utara dan untuk pembinaan dermaga dan sebuah terminal baru bagi barang pukal cecair (bulk liquid terminal). Pelabuhan Pulau Pinang akan mendapat peruntukan sebanyak \$3 juta. Peruntukan sebanyak \$19 juta disediakan untuk pembangunan Pelabuhan Kuantan untuk membolehkan pelabuhan tersebut memulakan perkhidmatannya. Peruntukan sebanyak \$7 juta dibuat bagi Pelabuhan Johor dan \$15 juta disediakan untuk Pengkalan Bekalan Petroleum di Trengganu.

Cukai Tokok ke atas Kapal-kapal

Adalah menjadi tujuan Kerajaan memajukan Malaysia supaya menjadi sebuah negara perkapalan. Berhubungan dengan tujuan inilah saya mencadangkan beberapa galakan baru di bidang perkapalan. Pada masa ini duti impot tidak dikenakan ke atas kapal yang melebihi 26 tan metrik tetapi cukai tokok sebanyak 5% adalah dikenakan. Cukai sebanyak 5% ini merupakan satu jumlah yang besar terutama bagi kapal-kapal yang besar yang diperlukan untuk pengangkutan antarabangsa. Dengan itu, saya mencadangkan ditarikbalik cukai tokok sebanyak 5% ke atas kapal-kapal. Bagaimanapun, bagi kapal-kapal kecil iaitu yang beratnya 26 tan metrik atau kurang, cukai tokok sebanyak 5% akan dikekalkan. Ini adalah kerana pembinaan kapal-kapal kecil

boleh dilaksanakan oleh pembina-pembina kapal dalam negeri yang perlu diberi perlindungan.

Pengecualian Cukai ke atas Anak-anak Kapal

Untuk menjamin kapal-kapal Malaysia mempunyai kakitangan secukupnya, pelepasan cukai patutlah diberi kepada anak-anak kapal terlatih yang bekerja di atas kapal-kapal Malaysia supaya mereka terus kekal bekerja dengan kapal-kapal tersebut. Saya mencadangkan supaya mereka dikecualikan dari cukai pendapatan atas semua gaji dan upah dengan syarat mereka berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia yang berdaftar dan berada di luar negeri sepanjang tempoh tahun asas di dalam sesuatu tahun taksiran. Untuk tujuan pengecualian ini, tempoh tinggal di Malaysia yang tidak melebihi 60 hari dalam sesuatu tahun akan dianggap sebagai sebahagian dari tempoh yang layak baginya mendapat pengecualian ini. Bagi anak-anak kapal yang berada di luar negeri untuk beberapa waktu sahaja dalam sesuatu tahun, gajinya akan diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan mengikut nisbah lama masa ia berada di luar negeri itu.

Kemudahan Awam

Dengan tujuan memperluas infrastruktur ekonomi dan memberi perkhidmatan awam yang lebih baik, peruntukan sebanyak \$272 juta akan disediakan untuk kemudahan-kemudahan awam yang meliputi \$160 juta untuk bekalan air dan \$112 juta untuk bekalan elektrik. Pelaburan yang besar ini akan membantu memenuhi keperluan air yang bertambah pada kadar 9% setahun. Adalah dianggarkan 90% dari penduduk-penduduk bandar dan 47% dari penduduk-penduduk luarbandar telah disediakan dengan bekalan air. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan supaya menjelang tahun 1990 semua penduduk di dalam negara ini akan mendapat bekalan air.

Peruntukan sebanyak \$112 juta yang disediakan untuk meluaskan lagi bekalan elektrik adalah merupakan sumbangan daripada Kerajaan sahaja. Sebahagian besar dari perbelanjaan modal LLN adalah dibayai daripada tabung kewangannya sendiri dan juga daripada pinjaman. Peruntukan ini juga adalah bagi membiayai pembekalan elektrik ke kawasan-kawasan luarbandar supaya 57% daripada rumah-rumah kediaman di luarbandar akan dibekalkan

dengan letrik menjelang tahun 1981 berbanding dengan 45% dalam tahun 1976.

Perhubungan

Kira-kira \$157 juta diperuntukkan kepada Perhubungan. Daripada jumlah ini sebanyak \$150 juta akan dipinjamkan kepada Jabatan Telekom untuk menambahkan talian-talian telefon dan perkhidmatan telex. Jabatan Telekom menjangka akan dapat membekalkan sebanyak 500,000 talian telefon dan 5,000 talian telex menjelang akhir tahun 1981, untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat di semua sektor ekonomi, terutama sekali daripada industri-industri pembinaan dan perumahan serta perniagaan.

Pembinaan dan Perumahan

Kerajaan memberi keutamaan tinggi kepada perkembangan perusahaan pembinaan, termasuklah perumahan. Ini adalah kerana perusahaan pembinaan merupakan 50% dari pelaburan swasta. Perusahaan ini bukan sahaja dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang memberi upah tinggi tetapi yang lebih penting lagi ianya membolehkan golongan berpendapatan rendah menyewa dan membeli rumah berharga rendah. Dengan itu Belanjawan tahun 1981 akan memberi perhatian utama terhadap perkembangan perusahaan pembinaan. Kekelamahan-kekelmanan perancangan dan perlaksanaan di dalam perusahaan pembinaan yang ada pada masa ini akan diajas.. Oleh itu, Kerajaan telah bersetuju meningkatkan jumlah tabung pusingan kepada \$260 juta bagi pembinaan Rumah Kos Rendah di tiap-tiap negeri. Tabung ini akan digunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan pengambilan balik tanah dan perbelanjaan awal rancangan rumah awam kos rendah.

Selaras dengan dasar Kerajaan bagi menyediakan Perumahan yang mencukupi bagi golongan-golongan berpendapatan rendah, sebanyak lebih kurang \$157 juta adalah dicadangkan bagi projek-projek sambungan perumahan kos rendah. Dari jumlah ini, lebih kurang \$116 juta atau 74% adalah bagi membiayai projek-projek perumahan kos rendah di negeri-negeri dan bakinya sebanyak \$41 juta adalah untuk Wilayah Persekutuan. Dengan peruntukan ini 48,000 unit rumah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan dapat disediakan iaitu sebanyak 34,450 unit di negeri-negeri dan 13,550 unit di Wilayah Persekutuan.

Keadaan pasaran perumahan pada masa ini adalah membimbangkan. Oleh itu pembeli-pembeli haruslah mempunyai sifat bersabar. Begitu juga mustahaknya kegiatan-kegiatan golongan spekulasi tanah dan pemaju-pemaju perumahan haruslah diawasi.

Cukai atas Keuntungan Harta Tanah

Satu lagi perkara yang menyebabkan kenaikan harga rumah ialah pembelian-pembelian oleh orang-orang asing yang kebanyakannya tidak mendiami rumah-rumah tersebut. Peruntukan-peruntukan di bawah Akta Cukai Atas Keuntungan Harta Tanah yang ada sekarang ini memberi layanan yang sama, antara rakyat asing dengan rakyat Malaysia, dalam mana cukai dikenakan pada kadar yang menurun mengikut tempoh pemilikan dan juga pengecualian cukai bagi sebuah rumah dan lain-lain pelepasan cukai. Dari itu saya mencadangkan dua perubahan:

- (i) Mulai hari ini (17hb Oktober, 1980) orang asing yang bukan pemastautin tidak lagi akan menikmati kadar cukai yang menurun mengikut tempoh pembelian harta tanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Atas Keuntungan Harta Tanah, sebaliknya keuntungan dari harta yang akan dibeli akan dikenakan cukai pada kadar tetap, iaitu 40%.
- (ii) Pengecualian daripada cukai ke atas keuntungan daripada penjualan sebuah rumah yang dimiliki dan juga pengecualian \$5,000 atau 10% daripada keuntungan yang mana satu lebih tinggi akan hanya dihadkan kepada rakyat Malaysia atau pemastautin yang tetap sahaja.

Pengecualian Cukai kepada Pemilik-pemilik Rumah

Di samping itu, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan supaya di berikan pengecualian daripada cukai kepada pemilik rumah yang dahulunya telah menikmati pengecualian bagi sebuah rumah tetapi telah terpaksa meninggalkannya atas sebab-sebab yang sah seperti berpindah kerana pertukaran atau mendapat pekerjaan baru atau memulakan perniagaan di tempat yang jauhnya lebih daripada 20 batu dari tempat tinggalnya yang asal.

Kita perlu sekali menghapuskan saikoloji inflasi berhubung dengan harga rumah yang menimbulkan harapan palsu. Sesungguhnya bank-bank perdagangan mempunyai tanggungjawab bagi membantu melegakan keadaan di mana terdapat lebih ramai bilangan yang hendak membeli daripada bilangan rumah yang dapat didirikan dengan cara memberikan kemudahan kewangan hanya kepada skim-skim perumahan yang telah pun diluluskan dan yang sedia untuk dilaksanakan. Mereka sepatutnya menentukan bahawa skim perumahan yang dibiayai oleh mereka dijual kepada pembeli-pembeli yang sebenarnya hendak menduduki rumah tersebut. Bank-bank juga sepatutnya mengawasi kos rumah-rumah ini setakat yang boleh dilakukan, bagi menentukan bahawa harga-harga yang dikenakan atau kadar kenaikan yang ditentukan, adalah menasabah dengan kosnya yang sebenar.

Galakan-galakan Bagi Latihan Pekerja-pekerja Pembinaan

Pertumbuhan ekonomi yang pesat, khususnya dalam bidang perusahaan pembinaan, telah menyebabkan kekurangan tenaga pekerja pembinaan yang mahir. Kekurangan ini menyulitkan lagi oleh kerana penghijrahan mereka itu ke negara-negara luar. Hal ini dijangka akan menjadi lebih rumit dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Latihan untuk Pekerja-pekerja Binaan

Di bawah program latihannya di bidang binaan bagi tahun 1981, MARA akan melatih seramai 420 orang pelatih di dalam kursus-kursus seperti menyusun batu-bata dan menyimen (bricklaying and plastering), pertukangan kayu, pemasangan paip dan seni perusahaan. Di samping itu, Institut Latihan Perindustrian akan menjalankan kursus bagi kira-kira 440 orang para pelatih. Kursus-kursus ini adalah dirangka bagi bakal-bakal pekerja di bidang binaan dan mereka yang berminat di dalam perusahaan binaan dan bangunan. Program latihan yang dijalankan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara pula adalah lebih ditumpukan kepada melatih kakitangan di peringkat pengurusan dan pengawasan di dalam industri binaan. Kira-kira 30 kursus akan dijalankan dalam tahun 1981 untuk kira-kira 750 orang para peserta.

Selain dari itu saya mencadangkan supaya diberi galakan kepada program melatih pekerja-pekerja di tempat mereka bekerja

selama 3 bulan yang akan dikendalikan oleh jurulatih yang disediakan oleh kontrektor ataupun pemaju. Latihan ini berasaskan kepada garis-garis panduan yang akan disediakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat setelah berunding dengan pihak swasta.

Rangkaian galakan bagi menyokong program latihan ini akan mengandungi:

- (i) Elaun sebanyak \$23 sehari bagi tiap-tiap seorang jurulatih; dan
- (ii) potongan dua kali bersabit dengan cukai pendapatan atas semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh pemaju atau kontrektor kerana mengambil bekerja pelatih-pelatih bagi tempoh latihan 3 bulan yang disahkan.

Pengecualian tertentu daripada cukai kastam akan diberikan kepada mereka yang terlibat dalam industri binaan kerana mengimpot mesin-mesin dan alat-alat serta bahan-bahan binaan. Saya juga mencadangkan supaya dinaikkan elaun susutan permulaan sebanyak 30% berbanding dengan 20% sekarang ini kerana pembelian alat-alat dan mesin-mesin yang digunakan di dalam industri binaan bagi menolong industri itu. Dan elaun susutan tahunan akan diasaskan kepada cara purata.

Dengan tujuan untuk menambahkan bekalan bahan-bahan binaan, Kerajaan telah memberikan kelulusan kepada pengeluar bahan-bahan binaan yang ada bagi memperbesar keupayaan pengeluaran mereka. Kerajaan juga telah meluluskan lesen-lesen baru bagi pengeluaran lebih banyak lagi bahan-bahan binaan.

Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dan latihan yang sempurna bagi anak-anak dan belia-belia kita boleh menyemaikan semangat perpaduan negara dan mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi serta pembasmin kemiskinan. Oleh yang demikian, keutamaan adalah diberikan dalam pelaburan Kerajaan kepada pelajaran, yang mana lebih kurang \$425 juta akan disediakan tahun hadapan. Kumpulan wang ini akan diagihkan bagi meneruskan pembinaan lebih kurang 6,200 bilik darjah, 7 buah sekolah menengah vokesyenal, 13 buah asrama dan bagi membina bilik-bilik darjah tambahan untuk memenuhi keperluan 3.3 juta murid.

Keupayaan untuk melatih guru pada masa ini untuk lebih kurang 12,160 orang guru akan dipertingkatkan lagi dengan pembinaan banyak lagi Maktab Latihan Perguruan dan memperuntukkan \$27 juta untuk memperlengkapkan maktab-maktab yang baru siap. Lebih kurang \$100 juta disediakan untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan pelajaran bagi lebih kurang 47,300 penuntut di peringkat pelajaran tinggi.

Kesihatan

Kesihatan kanak-kanak dan juga seluruh penduduk negara adalah penting. Oleh yang demikian, dalam perlaksanaan program-program kesihatan, keutamaan akan diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju dan kawasan-kawasan luarbandar, terutamanya kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan perhubungan yang sempurna.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya lebih kurang \$134 juta diperuntukkan untuk kemudahan-kemudahan Perubatan dan Kesihatan dalam tahun 1981. Daripada jumlah ini, lebih kurang \$120 juta disediakan bagi projek-projek sambungan dan bagi menyiapkan 2 buah hospital serta kemudahan-kemudahan kesihatan.

Adalah dijangkakan kemudahan rawatan Pesakit Dalam dapat diperluaskan kepada 763,000 orang dalam tahun 1981 berbanding dengan lebih kurang 728,000 orang dalam tahun 1980. Kemudahan rawatan Pesakit Luar akan juga diperluaskan bagi meliputi lebih kurang 9.5 juta orang berbanding dengan lebih kurang 9 juta orang tahun ini.

Duti Impot atas Minuman-minuman Keras

Setidak-tidaknya dari segi kesihatan setengah barang pengguna tidak harus digalakkan penggunaannya. Kadar duti impot atas minuman-minuman keras pada masa ini adalah tidak menasabah kerana pengenaan kadar duti yang spesifik. Akibatnya ialah jenis-jenis minuman keras yang lebih mahal harganya dikenakan bebanan duti yang rendah jika dibandingkan dengan beban yang dikenakan ke atas jenis-jenis yang murah harganya. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya dikenakan duti impot *ad valorem*, sebanyak 45% selain dari kadar spesifik yang ada sekarang yang saya cadang dinaikkan sebanyak 10%. Jika sekiranya

kadar spesifik menghasilkan duti kurang daripada 45%, maka minuman keras yang diimpot itu akan tertakluk kepada kadar duti yang tidak kurang daripada 45%. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa kalau kadar duti dinaikkan terlampau tinggi, mungkin pula ia akan menggalakkan penyaludutan dan mungkin juga menggalakkan usaha membuat minuman keras secara haram. Itulah sebabnya saya telah menetapkan kadar duti yang minima iaitu sebanyak 45%.

Oleh kerana ada minuman keras yang diperbuat di dalam negeri, maka wajarlah disemak semula duti eksais ke atasnya. Oleh itu saya cadang menaikkan duti eksais ke atas bir, ale dan stout sebanyak 10% dari pada \$1.14 seliter kepada \$1.25 seliter.

Duti Impot ke atas Tembakau

Ada satu lagi barang impot yang wajar juga dikenakan duti yang tinggi. Yang saya maksudkan ialah tembakau. Tembakau yang belum dikilang yang pada masa ini dikenakan duti impot sebanyak \$27.12 sekilogram akan dinaikkan sebanyak 20% menjadi \$32.54 sekilogram. Begitu juga bagi rokok dan lain-lain barang yang diperbuat dari tembakau, duti impot ke atasnya akan juga dinaikkan sebanyak 20%. Ramai pengawit-pengawit tembakau dan kira-kira 60,000 keluarga petani ataupun 250,000 orang dijangka akan mendapat faedah dari cadangan ini.

Berikutnya dari kenaikan duti seperti dicadangkan ke atas rokok yang diimpot, saya juga mencadangkan supaya duti eksais ke atas rokok yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan dinaikkan sebanyak 20% dari \$3.64 sekilogram kepada \$4.37 sekilogram.

Kebudayaan, Belia dan Sukan

Dari usaha melarang tabiat meminum minuman keras dan merokok, beralih pula kita ke bidang kebudayaan, belia dan sukan. Kerajaan akan meneruskan rancangan-rancangannya ke arah membangunkan satu kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan penduduk-penduduk peribumi kawasan ini dan pembangunan aktiviti belia dan sukan adalah merupakan alat ke arah memperkuuhkan perpaduan kebangsaan.

Peruntukan sejumlah lebihkurang \$17 juta akan disediakan untuk melaksanakan berbagai program khususnya bagi pembangunan

belia. Lebihkurang 500 projek telah disediakan di bawah projek Belia Peladang tiap-tiap tahun yang dapat memberi pekerjaan kepada lebihkurang 2,000 orang para belia. Manakala projek di bawah Belia Berniaga pula telah dapat melatih lebihkurang 2,400 para belia tiap-tiap tahun.

Dadah telah menjadi masalah utama negara. Langkah-langkah pencegahan dan pemulihan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini dengan memperkuuh Jabatan-jabatan Polis dan Kastam, dan membina pusat-pusat pemulihan. Kerajaan juga sedang menimbang untuk meminda undang-undang dan peraturan yang sedia ada dengan tujuan untuk mengadakan hukuman yang lebih berat. Lebih 2,800 jawatan telah diluluskan untuk Unit Anti-Narkotik yang baru ditubuhkan di Jabatan Polis Di Raja. Jabatan Kastam juga telah diperbaiki keupayaannya bagi tujuan mengesan dadah di lapangan-lapangan terbang antarabangsa di mana lebih banyak Unit-unit Anjing akan disempatkan.

Dari segi pemulihan pula, dua pusat pemulihan sedang dibina di Sungai Petani dan Muar dengan anggaran kos sebanyak kira-kira \$8 juta. Jawatan-jawatan tambahan di Kementerian Kebajikan Masyarakat telah diluluskan bagi tahun 1981 bagi membuat kerja-kerja pemulihan. Selain dari itu, Kerajaan juga memberi sumbangan tahunan kepada Pemandam untuk mengurus pusat-pusat pemulihannya dan juga bantuan modal bagi membina kem untuk penagih dadah.

Di dalam bidang sukan pula, adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan orang ramai bagi melahirkan masyarakat yang lebih sihat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memajukan bidang sukan di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Dengan itu Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan sukan di bandar-bandar, kampung-kampung, kawasan-kawasan perumahan dan kawasan-kawasan pembangunan baru.

Cukai Impot ke atas Alat-alat Muzik

Kegiatan-kegiatan sukan dan kebudayaan seperti muzik dapat membantu menjauhkan belia-belia kita daripada amalan-amalan yang tidak diingini dan merugikan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya duti impot sebanyak 25% yang dikenakan ke atas alat-alat muzik dimansuhkan. Duti-duti ke atas

pembesar-suara dan amplifier akan dikurangkan daripada 45% kepada 35%. Duti ke atas mikrofon akan dikurangkan dari 35% kepada 25%.

Industri perfileman juga mendapat bantuan, iaitu duti-duti impot dimansuhkan ke atas barang-barang asas yang diperlukan oleh industri ini seperti rol filem dan kamera untuk cinematografi, projektor, sound recorder dan reproducer.

Membendung inflasi

Tuan Yang di-Pertua, inflasi telah muncul sebagai masalah ekonomi yang paling serius di peringkat antarabangsa. Ianya juga sekarang merupakan suatu issu ekonomi yang paling serius kepada kita semua. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah di dalam beberapa tahun kebelakangan ini bagi membendung inflasi. Saya ingin meyakinkan Dewan ini bahawa Kerajaan akan terus mengambil segala langkah yang perlu untuk mempastikan supaya inflasi di negara ini terkawal.

Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, samada di dalam Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan, inflasi tetap wujud dan tidak dapat dielakkan sepenuhnya. Malah kita tidak akan mengalami sebarang inflasi jika ekonomi kita bersistem ekonomi cukup hidup, di mana rakyat akan terus kekal hidup di dalam kemiskinan, tanpa memperolehi kemudahan-kemudahan moden serta taraf hidup yang lebih baik.

Saya perlu menegaskan di sini, bahawa rakyat hendaklah terus meningkatkan daya-usaha mereka bagi membendung kesan-kesan yang dicetuskan oleh inflasi. Sokongan memang sudah ada dari rakyat tetapi sokongan ini hendaklah diperkuat lagi bagi menjayakan inisiatif Kerajaan membendung inflasi.

Bagi mengurangi kesan-kesan inflasi, Kerajaan perlu memberi subsidi. Ini telahpun dilakukan tetapi akan ditambahkan lagi dalam Belanjawan tahun 1981, khususnya kepada golongan-golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan, mana-mana Kerajaan pun ada had keupayaannya dalam hal pemberian subsidi. Mustahak dinyatakan, sikap terlalu mengharap kepada subsidi boleh menjejaskan tujuan asal subsidi itu diberi. Subsidi, adalah macam ubat pelega saja sifatnya, tetapi tidak dapat melenyapkan sebab-sebab asas inflasi.

Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah kira-kira \$1,400 juta setiap tahun meliputi beberapa jenis subsidi untuk barang-barang keperluan dari jenis makanan hingga minyak. Kesemua subsidi ini tidaklah banyak sangat dapat ditambah dan tidak pula harus diberikan buat selama-lamanya.

Peruntukan ini termasuklah subsidi untuk petrolam dan barang-barang bersangkutan termasuk disel dan minyak tanah yang berjumlah \$723 juta. Subsidi ini adalah diberikan untuk menentukan supaya kesan-kesan harga minyak yang tinggi ke atas orang-orang awam, pengangkutan awam, perusahaan-perusahaan, nelayan dan petani-petani dapat dikurangkan dengan banyaknya. Lagi satu peruntukan sebanyak \$140 juta adalah diberikan untuk subsidi pertanian dalam bentuk baja, benih dan kelengkapan ladang yang dijangkakan dapat membantu petani-petani meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan mereka dan dengan itu akan membawa kepada ketabilan harga makanan. Sektor perikanan akan juga diberikan subsidi sebanyak \$18 juta untuk membolehkan nelayan-nelayan menggunakan bot-bot dan kelengkapan yang lebih baik untuk menambahkan tangkapan mereka.

Sebagai tambahan kepada subsidi, Kerajaan telah mengambil banyak langkah-langkah fiskal dan pentadbiran bagi mengurangkan kesan inflasi. Misalnya, Kerajaan telah memansuhkan duti impot ke atas hampir semua barang-barang makanan yang penting kecuali ke atas barang yang diberi perlindungan tarif. Cukai jualan juga tidak dikenakan ke atas barang-barang makanan.

Untuk mencegah kenaikan harga yang lebih tinggi Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usahanya membanteras amalan-amalan kurang sihat di kalangan para peniaga seperti, menyorok barang, mengambil keuntungan yang berlebihan dan spekulasi harga menerusi penguatkuasaan undang-undang dengan lebih ketat lagi.

Tanpa semua subsidi-subsi ini dan langkah-langkah kewangan dan fiskal yang telah dibuat oleh Kerajaan, paras harga umum akan meningkat lebih tinggi lagi, mengakibatkan kesusahan kepada rakyat, terutamanya kumpulan yang berpendapatan rendah. Misalnya, kenaikan harga minyak amat tinggi sekali. Sejak tahun 1973, harga minyak mentah dunia telah meningkat se-

banyak 791% daripada US\$3.95 setong kepada kira-kira US\$35 setong. Dengan kenaikan harga minyak yang tinggi, impot minyak mentah kita telah meningkat dari pada \$175 juta dalam tahun 1973 kepada \$1.26 ribu juta dalam tahun 1979. Ini dijangka akan bertambah kepada \$1.7 ribu juta dalam tahun 1980 sungguhpun jumlah yang diimpot untuk diguna tidak bertambah seperti yang dijangkakan.

Kenaikan harga minyak telah meningkatkan kos impot dan kos mengeluarkan barang-barang dalam negeri, terutamanya barang-barang berasaskan minyak. Kesan langsung dapat dirasakan di sektor kemudahan-kemudahan awam, terutamanya dalam pengeluaran letrik yang merupakan 80% daripada pengeluaran sektor kemudahan-kemudahan awam. Kira-kira 60% daripada perbelanjaan mengurus LLN adalah disebabkan oleh harga minyak.

Harga minyak yang tinggi juga memberi kesan ke atas tambang teksi dan bas, gas memasak dan tarif elektrik. Kenaikan dalam harga barang-barang makanan seperti tepung dan gula dan barang-barang perkilangan yang diimpot, juga memberi tekanan hebat ke atas harga dalam negeri.

Dengan kenaikan harga impot barang-barang jentera, minyak dan bahan makanan adalah mustahil bagi Kerajaan terus mengekalkan "harga kawalan" ke atas barang-barang perlu. Oleh itu, Kerajaan terpaksa membenarkan kenaikan harga barang-barang yang dikawal untuk berlaku adil kepada pengguna-pengguna dan pengeluar-pengeluar. Jika tidak, pengguna-pengguna akan mengalami kekurangan (penawaran) dan pengeluar-pengeluar pula tidak akan menambahkan pengeluaran dan mungkin tidak dapat menahan kenaikan harga. Bagaimanapun, kenaikan harga yang dibenarkan itu seperti roti, gula, petrol, disel, minyak tanah dan lain-lain barang perlu adalah kecil, kerana barang-barang keperluan ini sudah-pun diberi subsidi oleh Kerajaan. Ini dilakukan untuk mengurangkan kesan kenaikan harga itu, terutamanya ke atas golongan yang berpendapatan rendah.

Pada akhirnya, kita terpaksa menerima inflasi dalam kehidupan dunia pada masa ini, tetapi kita mesti cuba mengatasinya sekalipun kita gagal menguasai dengan sepenuhnya. Kita perlu meningkatkan simpanan, mengurangkan perbelanjaan kita, terutamanya

ke atas barang-barang yang tidak perlu. Kita juga perlu berusaha sedaya-upaya meninggikan produktiviti dan pengeluaran kita.

Langkah-langkah Kewangan

Bagi melengkapkan Strategi Belanjawan, dasar kewangan akan terus memberikan tumpuan utama untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Bekalan wang telah berkembang selaras dengan aliran barang-barang dan perkhidmatan dan dengan kenaikan kadar inflasi yang serendah-rendahnya, yang boleh kita terima dalam keadaan seumpama ini. Keadaan ini telah berlaku ialah oleh kerana simpanan dan pinjaman bank telah bertambah dengan banyak can oleh kerana lebihan imbalan pembayaran, tetapi kesannya dapat diimbangi oleh pertambahan simpanan swasta yang terus tinggi dan oleh lebihan pendapatan Kerajaan.

Dalam beberapa bulan ini, perkembangan kredit bank yang semakin meluas dan banyak, berbanding dengan pertambahan wang yang disimpan dengannya, telah menyebabkan pasaran wang menjadi ketat. Keadaan ini telah menyebabkan pula kadar pinjaman dan simpanan meningkat ke paras yang lebih tinggi. Sejak akhir-akhir ini, persaingan hebat bagi mendapatkan wang simpanan telah menyebabkan kadar simpanan meningkat tinggi, terutamanya bagi jangka pendek. Kadar-kadar faedah pinjaman juga dijangka akan meningkat naik sedikit. Dalam keadaan ini, bank-bank adalah diharapkan supaya mengenakan kadar faedah yang berpatutan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada sektor ekonomi yang penting, memandangkan kepada keadaan pasaran kewangan dan ekonomi pada masa ini. Amatlah penting bank-bank tidak menyulitkan golongan yang berpendapatan rendah dalam sebarang penyesuaian yang akan dilakukannya. Saya menggesa pihak bank supaya menentukan bahawa golongan bumiputra, petani-petani yang terlibat dalam pengeluaran makanan, peniaga-peniaga kecil dan mereka yang berpendapatan rendah akan mendapat kemudahan kredit bank pada kos yang menasabah.

Untuk meningkatkan keupayaan mereka memberi pinjaman sejajar dengan kestabilan kewangan, usaha bagi menambahkan simpanan mestilah digiatkan dengan sepenuhnya. Selain dari itu, untuk mengurangkan tekanan dalam pasaran kewangan, bank-bank perdagangan haruslah menentukan

supaya modal mereka tidak tertinggal terlalu jauh kebelakang berbanding dengan pertambahan simpanan dan urusniaga bank. Tidak berapa lama lagi Bank Negara akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank, supaya dapat menentukan iaitu setiap bank mempunyai modal asas yang cukup untuk menanggung bukan saja pelaburan tetap mereka, tetapi mempunyai modal yang cukup supaya setimpal dengan harta keseluruhannya.

Galakan untuk menambahkan simpanan orang ramai merupakan suatu senjata penting di dalam usaha membanteras inflasi dan mengekalkan kestabilan kewangan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama ini merupakan "penstabil otomatik" ekonomi negara yang boleh diharapkan. Bermula dari 1hb Disember, 1980, saya cadangkan supaya jumlah sumbangan kepada KWSP ditambah kepada 20% dari gaji pekerja, di mana 11% akan disumbangkan oleh majikan dan 9% oleh pekerja. Kadar sumbangan pada masa ini adalah masing-masing sebanyak 7% dan 6%. Adalah diharapkan, faedah ini akan diambilkira sepenuhnya bila perundingan mengenai gaji berlaku kelak setelah tamat tempoh perjanjian-perjanjian gaji yang ada sekarang ini.

Bagi menggerakkan simpanan awam, saya cadangkan supaya ditambah jumlah pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi dari simpanan. Jumlah faedah yang dikecualikan, hasil dari simpanan adalah bersamaan dengan jumlah besar simpanan sebanyak \$30,000. Pengecualian cukai akan ditambah bagi meliputi faedah yang diperolehi dari simpanan sebanyak \$50,000. Dari jumlah ini faedah ke atas simpanan yang berjumlah \$30,000 yang disimpan di Bank Simpanan Nasional akan dikecualikan dari cukai. Faedah yang diperolehi daripada simpanan sebanyak \$10,000 yang dibuat dengan bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan akan juga dikecualikan dari cukai. Selain dari itu, saya cadangkan faedah dari simpanan tetap (fixed deposit) yang berjumlah \$10,000 dikecualikan dari cukai pendapatan dengan syarat bahawa simpanan-simpanan tetap ini mempunyai tempoh kematangan melebihi dua belas bulan.

Walaupun rakyat perlu meningkatkan simpanan mereka, kenaikan harga makanan perlu dikawal supaya rakyat dapat membeli dengan harga yang berpatutan. Oleh itu bekalan-bekalan makanan perlu dilipat-

gandakan. Kira-kira \$168 juta akan diperuntukkan untuk pembangunan kawasan baru bagi tanaman padi dan tanaman-tanaman lain. Peruntukan sejumlah \$169 juta adalah disediakan sebagai subsidi untuk baja dan bahan-bahan tanaman dalam usaha membantu rancangan pembangunan kawasan dan Koperasi Peladang. Dari jumlah ini subsidi secara langsung melalui Kementerian Pertanian di bawah Skim Subsidi Padi dan input pertanian serta rancangan subsidi secara langsung berjumlah kira-kira \$162 juta. LPP diperuntukkan subsidi kira-kira \$7 juta untuk baja dan jentera-jentera pertanian yang akan diberi melalui Koperasi Peladang. Di samping itu, sejumlah \$5 juta adalah juga disediakan melalui LPP sebagai pinjaman dengan syarat-syarat yang mudah (soft loans) untuk rancangan mempelbagaikan pertanian. Sebanyak kira-kira \$122 juta diperuntukkan bagi tahun 1981 melalui Bank Pertanian untuk pinjaman bagi menambah pengeluaran makanan dan perusahaan-perusahaan pertanian. Sebanyak \$80 juta lagi telah diperuntukkan untuk membolehkan lebih banyak kawasan ditanam dengan padi dua kali setahun. Rancangan-rancangan ini juga bertujuan untuk membolehkan tanah-tanah yang terbiar digunakan untuk tanaman yang produktif yang boleh memberi peluang pekerjaan yang lebih banyak dan meningkatkan pendapatan sebenar penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luarbandar. Rancangan-rancangan tambahan di dalam tahun 1981 ini, dijangka akan membolehkan lebih banyak kawasan-kawasan ditanam dengan bahan makanan.

Jalanraya di Kampung

Pertambahan dalam pengeluaran makanan ini perlu dibawa ke pasar. Oleh itu untuk memperbaiki sistem pengedaran dan pemasaran dan untuk memberi kemudahan-ke-mudahan infrastruktur yang lebih baik kepada penduduk-penduduk luar bandar, Kerajaan telah memutuskan untuk meninggikan mutu Rancangan memperbaiki Jalan-jalan di kampung yang telah dimulakan dalam tahun 1978.

Rancangan-rancangan telah pun dan sedang dijalankan untuk memperbaiki jalan kampung dari jenis tanah merah kepada jenis jalan bertar. Program ini melibatkan lebih kurang 20,000 batu jalanraya meliputi seluruh Malaysia. Kira-kira \$120 juta akan disediakan dalam tahun 1981 untuk tujuan ini. Dan ini akan membawa faedah kepada

rakyat setempat yang menyertai rancangan ini, kerana mereka akan diberi bayaran suguhan sebanyak \$8 sehari.

Peruntukan sebanyak \$15 juta telah dibuat untuk satu tabung pusingan untuk FAMA di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperbaiki pengedaran keluaran pertanian. Sejakar dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan mengeluarkan makanan yang cukup dalam negeri, perbelanjaan tambahan sebanyak \$9 juta untuk MAJUTERNAK dan \$24 juta untuk MAJUIKAN telah diperuntukkan untuk meningkatkan pengeluaran daging dan ikan dalam negeri menerusi penyediaan sistem-sistem pengeluaran dan pemasaran yang lebih cekap.

Lebih kurang \$12 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan bilik sejuk dan pembelian lori-lori untuk FAMA bagi memperbaiki lagi kemudahan tempat simpanan sejuk dan pengedaran.

Cukai Jalan

Tuan Yang di-Pertua, sebarang rancangan mencegah inflasi tidak akan lengkap tanpa mengambil langkah-langkah untuk menjimat penggunaan sumber tenaga. Langkah-langkah ini dapat mengurangkan kesan inflasi yang diimpat, terutamanya yang disebabkan oleh kos minyak yang meningkat. Oleh sebab kenderaan bermotor adalah salah satu dari pada pengguna-pengguna utama minyak, saya mencadangkan supaya satu struktur cukai jalan yang lebih progressif dikenakan ke atas kenderaan bermotor persendirian. Cadangan ini walaubagaimanapun tidak melibatkan kenderaan persendirian yang mempunyai enjin tidak melebihi 1,500 c.c. Bagi kenderaan semacam ini kadar cukai jalan yang dikenakan sekarang akan terus dikekalkan. Kadar cukai jalan yang lebih tinggi adalah dikenakan bagi kenderaan persendirian yang mempunyai enjin melebihi 1,500 c.c. dengan kadar barunya mulai dari pada 30 sen bagi setiap c.c. untuk 500 c.c. berikutnya hingga \$1.20 bagi setiap c.c. selepas 3,000 c.c. Pemilik-pemilik kenderaan persendirian yang menggunakan minyak diesel akan terus dikenakan lima kali ganda kadar-kadar tersebut. Sayugia diperhatikan bahawa cadangan ini tidak dikenakan ke atas bas, teksi dan kereta sewa dan kereta-kereta perniagaan.

Belanjawan untuk Pengusaha-pengusaha Kecil

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk ke bahagian yang saya fikir penting bagi Strategi Belanjawan 1981. Ini melibatkan pengusaha-pengusaha kecil yang merupakan golongan yang paling besar dan merupakan tulang belakang ekonomi negara. Pada hakikatnya, tanpa kerja kuat, pengorbanan dan persefahaman mereka ini, tidak ada ekonomi boleh berkembang dan tidak ada negara yang boleh maju.

Dasar sosio-ekonomi Kerajaan tetap menumpukan terhadap usaha mengurang dan menghapuskan kemiskinan. Dasar kita telah memperbaiki taraf hidup dan kualiti penghidupan bagi golongan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar. Dasar ini telah diperluaskan dan dengan itu keseluruhan penduduk Malaysia telah mendapat faedah dari perancangan dan projek ekonomi Kerajaan. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam usaha pembangunan tenaga manusia dan pelaburan-modal untuk memperbaiki kebijakan golongan yang berpendapatan rendah. Ini telah dilaksanakan terutamanya di bidang pertanian, pelajaran, kesihatan, dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di luar bandar di samping membantu peniaga kecil. Sungguhpun demikian, lebih banyak lagi akan diusahakan.

Belanjawan tahun 1981, dengan ini telah dirangka untuk memberi perhatian khusus terhadap kehendak-kehendak tertentu dan masalah-masalah pengusaha-pengusaha kecil. Oleh yang demikian, Belanjawan pada tahun ini adalah ditujukan khas kepada pengusaha-pengusaha kecil. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang besar bagi membolehkan sektor swasta berkembang dengan maju. Kaktangan-kaktangan Kerajaan juga baru-baru ini telah menerima kenaikan gaji. Ini dilakukan bagi membolehkan mereka terus memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam melaksanakan program-program dan rancangan-rancangan sosio-ekonomi negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada kebijakan golongan-golongan berpendapatan rendah sebagai tanggungjawabnya yang utama. Tanggungjawab ini harus diperluaskan lagi serta diberi keutamaan yang sepenuhnya bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil untuk memperbaiki taraf hidup

mereka. Belanjawan tahun 1981, dengan ini menggambarkan keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan bagi meninggikan lagi pendapatan dari segi sebenar pengusaha-pengusaha kecil dan juga mengukuhkan lagi sumbangan mereka kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia keseluruhannya.

Langkah-langkah Belanjawan yang khusus ini akan dapat memberikan faedah secara langsung kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti pesawah-pesawah padi, pekebun-pekebun kecil getah, perumahan kos rendah, pekerja-pekerja yang bergaji kecil, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain golongan berpendapatan rendah.

Bantuan kepada Pesawah Padi

Untuk membantu pesawah-pesawah padi, Kerajaan adalah bercadang untuk menaikkan subsidi harga ke atas pembelian padi secara kupon dari \$2 sepikul yang diberikan sekarang ke \$10 sepikul, iaitu tambahan sebanyak \$8 sepikul. Tambahan ini adalah sama kesan kepada pendapatan pesawah seperti menaikkan harga padi sederhana dari \$28 sepikul ke \$38 sepikul dan harga padi panjang dari \$30 sepikul ke \$40 sepikul. Sungguhpun demikian, saya suka menegaskan di sini bahawa harga beras yang dinikmati oleh pengguna-pengguna tidak berubah.

Tambahan subsidi ini adalah dicadangkan berkuatkuasa daripada 16hb Julai 1980, iaitu tarikh peralihan atau tarikh "cut off" antara pengeluaran kupon musim pertama dan pengeluaran kupon musim kedua bagi tahun 1980/81. Dengan ini pesawah-pesawah yang telahpun menjual padi bermula dari tarikh 16hb Julai, 1980 bolehlah membuat tuntutan tambahan sebanyak \$8 sepikul itu dari pusat-pusat pembelian asal yang ditubuhkan oleh LPN, dengan berdasarkan kepada kupon-kupon yang telah dikeluarkan kepada mereka bermula dari tarikh itu. Subsidi kupon ini akan berjumlah \$128 juta untuk tempoh daripada 16hb Julai hingga ke akhir tahun ini, dan \$328 juta untuk keseluruhan tahun 1981.

Pada dasarnya sekim subsidi kupon adalah dicadangkan untuk diperluaskan kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi kedua-dua negeri tersebut tarikh pelaksanaannya akan ditentukan kemudian kelak selepas kajian dibuat oleh pihak LPN ber-

sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Bantuan untuk Nelayan

Kira-kira \$41 juta disediakan kepada MAJUIKAN untuk melaksanakan berbagai projek dalam tahun 1981. MAJUIKAN akan memajukan kira-kira 1,200 ekar tanah untuk projek-projek "aquaculture" dan mengadakan 85 buah bot menangkap ikan. Projek-projek ini akan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 1,000 orang nelayan. Banyak lagi Koperasi Nelayan Kawasan telah dan akan ditubuhkan bagi tiap-tiap daerah perikanan untuk mempertegap kegiatan Koperasi Nelayan. MAJUIKAN adalah terlibat secara langsung dalam menyediakan perkhidmatan pemasaran melalui koperasi-koperasi nelayan.

Jabatan Perikanan akan diberi peruntukan kira-kira \$48 juta. Ini termasuklah kira-kira \$15 juta sebagai subsidi kepada nelayan bagi membeli bot dan lain-lain kelengkapan. Kira-kira \$15 juta lagi akan disediakan untuk kompleks perikanan dan lain-lain kemudahan.

Bantuan kepada Pekebun-pekebun Kecil Getah

Adalah dicadangkan supaya kadar bantuan tanam semula getah pekebun-pekebun kecil dinaikkan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi membiayai kenaikan ini ialah sebanyak kira-kira \$90 juta setahun. Kenaikan ini didapati perlu kerana kadar bantuan yang diberikan sekarang tidak lagi mencukupi memandangkan kenaikan kos tanaman semula.

- (a) (i) Bantuan tanam semula getah bagi kawasan 10 ekar dan ke bawah dinaikkan dari \$1,200 kepada \$2,200 se ekar;
- (ii) Bagi kawasan yang melebihi 10 ekar kadarnya akan dinaikkan dari \$900 kepada \$1,500 seekar;
- (b) (i) Bantuan tanam semula akan juga diberikan kepada lain-lain jenis tanaman;
- (ii) bagi Pekebun Kecil yang memiliki 10 ekar ke bawah kadarnya akan dinaikkan dari \$900 dan \$950 kepada satu kadar sahaja sebanyak \$1,500 seekar;

- (b) bagi kawasan yang melebihi 10 ekar kadarnya akan dinaikkan dari \$900 kepada \$1,200 seekar.

Pekebun-pekebun getah yang mempunyai kebun yang kecil akan juga diberi bantuan wang tiap-tiap bulan sehingga pokok getah yang ditanam semula itu mengeluarkan hasil. Butir-butir lanjut mengenai skim bantuan ini akan diumumkan dalam sedikit masa lagi. Peruntukan yang diperlukan bagi tujuan ini dianggarkan sebanyak \$84 juta setahun yang akan diberikan sebagai pinjaman dengan syarat-syarat yang mudah (soft loans) kepada pekebun-pekebun kecil yang berkenaan. Kedua-dua program ini dijangka akan memberi faedah kepada 70,000 keluarga pekebun kecil atau kira-kira 350,000 orang dan akan melibatkan penanaman semula kira-kira 370,000 ekar kebun getah. Adalah diharap dengan bantuan ini yang akan dilaksanakan mulai dari 1-1-81 akan dapat menggalakkan pekebun-pekebun kecil menanam semula getah mereka bagi meningkatkan pendapatan mereka dan menambahkan pengeluaran getah negara.

Duti Ekspot atas Getah

Semenjak Belanjawan yang lalu, Kerajaan telah memungut duti ekspot atas getah berdasarkan kepada harga setelah ditolak kos pengeluaran. Oleh kerana masalah pentadbiran di masa dulu, duti tersebut telah didasarkan kepada harga RSS1.

Bagi menentukan supaya duti ekspot, berpatutan dengan harga, dan dengan itu akan memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil, saya mencadang supaya diwujudkan harga warta yang berasingan, bagi tiap-tiap gred getah, terdiri dari harga-harga bagi tiga gred RSS, 6 gred SMR, susu getah, getah campuran (compounded rubber) seperti "masterbatch" dan lain-lain bentuk getah. Bagi susu getah dan getah campuran seperti "masterbatch", asas harga yang digunakan sebagai asas mengenakan duti ialah harga RSS1, sementara bagi lain-lain gred getah asasnya ialah harga RSS3. Supaya sekim ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, pengekspot-pengekspot adalah dikehendaki membuat pengakuan yang tepat bagi berbagai gred getah yang diekspot. Denda yang berat akan dikenakan kepada sesiapa yang didapati membuat pengakuan yang palsu.

Caruman KWSP Naik

Cadangan menaikkan caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bermakna jumlah simpanan mereka akan bertambah lebih banyak bila mereka bersara kelak. Selain dari itu ada dua lagi munafaat yang mereka boleh nikmati. Pertama, kadar faedah atas caruman mereka yang belum selesai bagi tahun 1980 akan dinaikkan dari 7½% kepada 8% mulai daripada 1hb Disember, 1980. Kedua, saya telah meminta KWSP mengadakan kajian dengan tujuan menggubal suatu sekim yang akan membolehkan pencarum, terutama yang berpendapatan rendah, menggunakan sebahagian dari simpanan KWSP mereka untuk membeli rumah.

Dasar Baru Mengenai Kadar-kadar Pinjaman Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklum, peruntukan bagi pembiayaan pinjaman oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun atau agensi-agensi yang lain pada masa ini merupakan kira-kira satu pertiga daripada jumlah kewangan yang diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Bagi Rancangan Malaysia Ketiga, pembiayaan pinjaman berjumlah kira-kira \$7 ribu juta. Pinjaman-pinjaman ini telah diberi subsidi dengan faedah yang kecil kira-kira 1.5%.

Oleh kerana pinjaman-pinjaman ini telah diberi terutamanya bagi projek-projek yang bertujuan untuk mengurang ataupun membasmikan kemiskinan, adalah difikirkan bahawa kriteria bagi menentukan syarat-syarat pinjaman ini haruslah diperbaiki lagi supaya kita dapat mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita dengan lebih berkesan.

Jadi, mulai dari tahun hadapan, satu dasar baru mengenai kadar-kadar pinjaman Kerajaan akan dilaksanakan untuk mempastikan kriteria yang lebih sistematik dan yang seimbang untuk menentukan kadar-kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman Kerajaan.

Subsidi faedah itu dianggarkan bertambah dari purata 1.5% setahun kepada kira-kira 4.3% setahun. Ini akan melibatkan kos sebanyak kira-kira \$125 juta setahun, atau kira-kira \$625 juta bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Keempat. Oleh itu subsidi ini

adalah banyak. Tetapi dasar baru ini yang selaras dengan Belanjawan 1981 dianggap akan mempunyai kesan yang besar terhadap pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi Kerajaan dan terutamanya terhadap langkah untuk menghapuskan kemiskinan demi kepentingan golongan pengusaha-pengusaha kecil.

Galakan-galakan bagi memajukan Perniagaan Kecil

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lalu, Kerajaan telah memberikan berbagai-bagai galakan cukai yang mana kebanyakannya telah dinikmati oleh perusahaan-perusahaan yang besar. Dilihat dari strategi di mana pertumbuhan ekonomi terpaksa bergantung lebih kepada pengeluaran tempatan untuk memenuhi permintaan dalam negeri, Kerajaan sekarang akan menyediakan berbagai galakan kepada perniagaan-perniagaan kecil, supaya mereka boleh memperkuuh dan membantu keupayaan pengeluaran perusahaan-perusahaan yang lebih besar. Usaha memajukan perusahaan-perusahaan kecil ini dapat juga mempercepatkan lagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dengan itu saya mencadangkan supaya diadakan satu rangkaian galakan bagi menggalak dan membantu mereka berkembang. Untuk tujuan ini perniagaan-perniagaan kecil ditakrifkan sebagai perniagaan yang berdaftar, mempunyai harta bersih atau kumpulanwang pemegang saham, bagi syarikat-syarikat, sehingga \$250,000 dan had pinjaman daripada institusi kewangan tidak melebihi \$250,000. Perniagaan-perniagaan kecil yang layak adalah dihadkan kepada mereka yang bergiat dalam kegiatan ekonomi yang produktif, tidak termasuk profesional yang menjalankan perniagaan sendiri yang berdaftar dengan badan-badan profesional yang dikritiraf (seperti doktor, peguam, akitek, dan sebagainya); dan perniagaan-perniagaan seperti agensi teman sosial, pusat kesihatan dan rumah-rumah urut. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya bahawa perniagaan-perniagaan kecil seperti ini tidak memerlukan "fiscal massaging" daripada saya (*Ketawa*).

Rangkaian galakan ini termasuklah:

Pertama, Sekim Pinjaman Khas

Saya telah meminta Bank Negara Malaysia supaya merangka dan menguatkuaskan

mulai bulan Januari 1981, satu Sekim Pinjaman Khas untuk ditawarkan oleh Bank-bank Perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil yang layak dan Sekim ini mempunyai ciri-ciri utama iaitu:

- (i) pinjaman-pinjaman bank sehingga \$50,000 tiap-tiap satu tanpa sebarang cagarans;
- (ii) kadar faedah yang dikenakan ialah 7.5% setahun;
- (iii) untuk menggalakkan penyertaan bank-bank perdagangan ke dalam sekim ini, semua pinjaman yang layak akan dijamin oleh Perbadanan Jaminan Kredit (CGC). Ribet cukai bersamaan 2 mata peratusan bagi setiap pinjaman akan juga diberikan kepada bank-bank yang menyertai sekim ini; dan
- (iv) Sekim ini akan ditadbirkan oleh Perbadanan Jaminan Kredit sebagai "Sekim Pinjaman Khas" di dalam rangka kerja sekim jaminan pinjamannya yang sedia ada. Keterangan selanjutnya mengenai sekim ini akan diumumkan oleh Bank Negara dan Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) sebaik sahaja butir-butir lanjut itu ditentukan.

Kedua, Potongan Dua Kali untuk Tujuan Cukai Pendapatan

Sebagai tambahan, bagi memberi bantuan selanjutnya kepada peminjam-peminjam kecil di bawah "Sekim Pinjaman Khas" ini, perbelanjaan bayaran faedah ke atas pinjaman sekim tersebut akan layak mendapat potongan dua kali bagi maksud kiraan cukai pendapatan.

Saya suka menggesa bank-bank supaya melibatkan diri dalam usaha memperluaskan pinjaman di bawah sekim ini, yang mana dijangka akan memberi faedah kepada sebahagian besar golongan berpendapatan rendah.

Ketiga, Pelepasan Duti Stem

Bagi mengurangkan beban duti stem ke atas peminjam kecil, saya mencadangkan supaya dikurangkan duti setem daripada 0.5% kepada 0.1% atas semua perjanjian dan dokumen berhubung dengan pinjaman yang tidak melebihi \$250,000 jumlahnya. Di samping itu, untuk membantu perniagaan-perniagaan kecil yang terpaksa menyewa tempat-tempat perniagaan, saya mencadangkan supaya dikecualikan daripada duti stem atas semua

perjanjian pajakan yang melibatkan bayaran sewa tahunan tidak melebihi \$2,400. Cadangan-cadangan ini akan berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1981.

Keempat, Pelepasan Cukai Jualan

Pekilang-pekilang tempatan dikehendaki mendapatkan lesen cukai jualan sekiranya barang-barang yang mereka keluarkan tertakluk kepada cukai jualan. Walau bagaimanapun, perniagaan-perniagaan yang mempunyai jumlah jualan tahunan tidak melebihi 20,000 atau menerima upah tidak melebihi 4,000 setahun adalah dikecualikan dari cukai jualan. Ini bermakna hanya perniagaan yang mempunyai jualan tidak lebih dari \$70 sehari atau di dalam hal bayaran upah, \$11 sehari sahaja tidak akan dikehendaki membayar cukai jualan. Bagi membantu peniaga-peniaga kecil seterusnya, saya mencadangkan supaya had pengecualian ini dinaikkan kepada jumlah jualan tahunan tidak melebihi \$100,000 dan mengenai hal bayaran upah pula had maksima dinaikkan kepada \$20,000. Dengan ini maka kebanyakan, kalaupun tidak kesemuanya, peniaga-peniaga kecil akan mendapat pelepasan dari cukai jualan.

Kelima, Pelepasan Cukai Pembangunan

Pada masa ini, pelepasan cukai pembangunan sehingga \$3,000 adalah diberikan kepada orang perseorangan. Dalam usaha memberi lebih banyak bantuan kepada perniagaan-perniagaan kecil dan juga supaya bersesuaian dengan peningkatan had pelepasan cukai pendapatan bagi orang perseorangan yang telah saya kemukakan dalam Belanjawan tahun lalu, saya mencadangkan supaya dinaikkan had pengecualian cukai pembangunan dari \$3,000 kepada \$5,000 untuk orang perseorangan dan rakan per-kongsian di dalam sesebuah perkongsian.

Peruntukan sebanyak \$68 juta akan juga disediakan untuk MARA khususnya bagi mempergiatkan lagi usaha-usahanya di dalam membantu Usahawan-usahawan Bumiputra dan perniagaan-perniagaan mereka. MARA juga akan berusaha untuk mendapatkan agensi perdagangan daripada pekilang-pekilang dan sektor perkhidmatan termasuk "penggunaan teknologi yang berlesen" untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan bumiputra.

Kos bagi berbagai galakan ini ditaksirkan tidak kurang dari \$90 juta setahun. Sungguhpun hasil yang terkorban ini nampaknya besar, kita haruslah ingat bahawa peniaga-peniaga kecil terutama pedagang-pedagang dan penjaja kecil merupakan tulang belakang kepada ekonomi kita. Sumbangan langsung mereka kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 16%, bukan sahaja besar tetapi bilangan mereka di dalam kegiatan ekonomi memang besar dan memberi kesan kepada kehidupan segenap lapisan masyarakat. Malahan kegiatan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah merata kesannya ke atas ekonomi negara. Pemberian bantuan ini juga memberi kesan yang positif ke atas pengagihan pendapatan.

Tinjauan Ekonomi Malaysia bagi tahun 1981

Jadi apakah prospek ekonomi Malaysia?

Di dalam keadaan ekonomi dunia yang saling bergantung, kita tidaklah boleh mengasingkan sepenuhnya ekonomi negara ini dari arah aliran ekonomi dunia yang sedang menempuh kesukaran.

Sesungguhnya, prestasi ekonomi Malaysia akan mengalami kesukaran, melainkan kita terus mengambil langkah-langkah yang berani bagi mengatasi kesan-kesan kemererosotan, inflasi dan pengangguran luar negeri.

Inilah sebabnya Strategi Belanjawan 1981 dibentuk bagi menggalakkan perkembangan. Inilah juga sebabnya saya mengutamakan perhatian untuk membendung inflasi bagi melindungi golongan yang berpendapatan rendah dan pengusaha-pengusaha kecil.

Belanjawan ini juga diharap dapat menggalakkan sektor swasta terus berkembang dan meningkatkan lagi daya persaingannya.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dianggar berkembang sebanyak 7.6% dalam tahun 1981 dari segi sebenar, manakala kadar pertambahan Angkatunjur Harga Pengguna dijangka stabil pada kadar yang sama seperti yang terdapat dalam tahun ini. Dalam keadaan ini, imbangan bayaran dijangka menunjukkan prestasi yang memuaskan. Dalam pada itu, simpanan wang luar negeri akan terus kukuh pada kadar yang tinggi bagi membolehkan pembiayaan impot tertangguh selama kira-kira 6 bulan. Belanjawan Kerajaan Pusat pula, dijangka mencapai satu lagi rekod dengan lebihan sebanyak \$398 juta dalam kira-kira semasa.

Oleh yang demikian hasil dari Strateji Belanjawan ini, prospek keseluruhan ekonomi Malaysia adalah cerah. Bahkan prospek ekonomi Malaysia untuk tahun depan adalah menggalakkan.

Penutup

Tuan Yang di-Pertua, selama lebih satu jam saya telah membicarakan masalah-masalah di dalam dan di luar negeri. Saya telah memperakukan beberapa langkah untuk menghadapi cabaran-cabaran tahun 1981 dan tahun-tahun yang akan datang.

Strategi Belanjawan ini akan mengekalikan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi yang kita nikmati dalam beberapa tahun ini.

Strategi ini akan membantu membendung inflasi dalam negeri.

Strategi ini akan juga membantu menambahkan pendapatan-pendapatan ke paras yang lebih tinggi dan akan membolehkan rakyat menikmati hasil kemajuan pembangunan ekonomi kita secara meluas, terutama sekali rakyat berpendapatan rendah dari semua kaum, yang berada di kampung dan di bandar.

Strategi ini akan menggalakkan kegiatan ekonomi dalam negeri lebih banyak dan lebih meluas lagi supaya dapat mengalas kesan pergolakan ekonomi dan politik dunia yang tidak tentu.

Kerajaan akan meneruskan ikhtiarnya untuk membina mutu keupayaan barisan pertahanan dan keselamatan kita supaya menjadi lebih gagah, lebih lengkap, dan lebih cekap untuk menjamin supaya usaha pembangunan ekonomi kita dapat maju dengan lancarnya; dan, supaya rakyat terus dapat menikmati taraf hidup yang tinggi yang sudah menjadi kebiasaan hidup mereka di bawah Kerajaan yang mendedikasikan pemikirannya ke arah melaksanakan amanah rakyat serta mencapai objektif besar perpaduan negara.

Atas sebab-sebab muslihat politiknya sendiri, ada golongan yang sentiasa berlagak sebagai nujum mendung. Kata mereka, Dasar Ekonomi Baru tidak berfaedah kepada rakyat yang miskin. Biarlah saya jelaskan di sini bahawa Dasar Ekonomi Baru bukanlah suatu jampi sihir. Dia tidak dapat menjelaskan ekonomi kolonial yang telah mengambil faedah berkembang subur di atas sengsara kemiskinan dan kejailan rakyat yang terrajah dengan sekelipmata menjadi

ekonomi nasional yang hendak membina kekayaan negara yang merdeka supaya dapat membasmi kemiskinan, kejailan dan bencana penyakit yang mencelakakan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional bukanlah tukang songlap. Tetapi apa yang sudah berjaya diusahakannya sejak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru amatlah mengagumkan, walaupun ditinjau dengan apa ukuran sekalipun (*Tepuk*).

Namun demikian, kita belum lagi puashati dengan apa yang kita telah buat untuk faedah rakyat setakat ini, sungguhpun kita boleh merasa wajar berbangga yang negara kita sekarang adalah di antara yang paling maju di dalam lingkungan negara-negara yang sedang membangun di dunia, setelah hanya baru sepuluh tahun melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Kita sekarang sudah sampai kepada suatu titik peralihan dalam pelaksanaan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru. Kita telah menegakkan asas yang kukuh bagi menjamin pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara kita yang kita cintai ini.

Kita telah memberi galakan-galakan yang cukup kepada sektor industri dan sektor perniagaan yang besar-besar untuk membantu gerakan nasional mencapai perkembangan ekonomi yang lebih luas dan lebih pesat. Sekarang kita meningkatkan pula ikhtiar kita ke arah membantu mempercepat lagi proses memperbaik nasib sektor pengusaha kecil, di bandar dan di luarbandar. Sama ada dia seorang petani, nelayan, pekebun kecil atau penjaja kecil, dia akan merasakan bahawa Belanjawan kali ini adalah untuk kepentingannya. Belanjawan ini telah disusun terutama sekali untuk faedah pengusaha-pengusaha kecil. Inilah perutusan yang dibawa oleh Strategi Belanjawan tahun 1981 ini. Dan langkah-langkah yang kita ambil bagi tahun depan adalah rangkaian dari strategi baru yang dinamis untuk membongkar segala benteng yang menghalang bertumbuhnya dengan pesat sektor ekonomi yang masih miskin dan mundur, supaya dapat membantu sektor ekonomi kita yang sudah maju dan bertuah. Dengan saling bantu-membantu antara kedua-dua sektor ini, saya yakin negara kita akan mencapai kemakmuran yang lebih tinggi dalam tempoh dekad kedua Dasar Ekonomi Baru, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1981, dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2) perbahasan di atas masalah Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Usul Anggaran Pembangunan ini hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada dua hari daripada masa ia dicadangkan. Oleh kerana itu saya telah menetapkan bahawa perbahasan di atas kedua-dua masalah ini dimulakan pada hari Rabu, 22hb Oktober, 1980.

Dewan sekarang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 22hb Oktober, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang.

Lampiran 1*Menukar cara mengira elaun susutan*

Di bawah cara sekarang dalam pengiraan elaun susutan ke atas loji dan mesin-mesin satu elaun permulaan (untuk sekali sahaja) sebanyak 20% dan elaun tahunan pada kadar-kadar yang tertentu dan berdasarkan kepada nilai baki yang berkurangan adalah dibenarkan. Elaun tahunan adalah berdasarkan kepada nilai baki ataupun nilai yang berkurangan bagi loji-loji tersebut. Dari itu, sesuatu loji akan hanya dapat dihapuskira dalam tempoh masa yang panjang kerana nilai bakinya beransur-ansur kurang sedikit demi sedikit.

Bagi menggalakkan pelaburan dan penggantian atas mesin-mesin, pendapat di kalangan industri ialah satu cara yang dapat menghapuskira dalam masa yang lebih singkat patutlah diperkenalkan sebagai tambahan kepada elaun susutan dipercepatkan yang sekarang ini dihadkan kepada industri-industri perkilangan dan memproses dalam tempoh yang terhad.

Dari itu adalah dicadangkan supaya cara mengira elaun susutan ditukar daripada yang menggunakan nilai baki yang berkurangan kepada cara purata dan diasaskan kepada kadar yang disemak.

Tidak ada kesan ke atas hasil berikutan dari cadangan ini.

Cadangan di atas ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 2*Rasionalisasi atas Cukai Keuntungan Berlebihan*

Pada masa ini cukai keuntungan berlebihan dikenakan atas pendapatan boleh dicukai (termasuk dividen) seseorang yang melebihi had pelepasan yang ditetapkan. Ia boleh jadi orang perseorangan atau syarikat sama ada yang bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia.

Dalam hal di mana dividen yang dibahagikan oleh syarikat bermastautin kepada pemilik-pemilik saham yang bukan bermastautin dan tinggal di negara yang mempunyai Perjanjian Mengelak Cukai Dua Kali dengan Malaysia, dividen tidak sepatutnya dikenakan cukai keuntungan berlebihan memandangkan peruntukan dalam Perjanjian mengelakkan. Cukai Dua Kali itu untuk mengecualikan dividen dari dicukai selain dari cukai ke atas syarikat. Selanjutnya apabila dividen dibayar oleh syarikat bermastautin kepada syarikat lain yang juga bermastautin di Malaysia, syarikat yang menerima adalah tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan atas pendapatan (termasuk dividen) yang melebihi had pelepasan. Apabila syarikat penerima membahagikan pula dividen kepada pemilik-pemilik sahamnya, pemilik-pemilik saham adalah tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan ke atas pendapatan boleh dicukai yang melebihi had pelepasan. Dari itu cukai keuntungan berlebihan adalah dikenakan beberapa kali ke atas pendapatan yang sama, sekali atas syarikat yang membayar, kedua ke atas syarikat yang menerima dan kemudianya atas pemilik-pemilik saham. Pengenaan beberapa peringkat seperti di atas ini boleh menjadi penghalang kepada perkembangan pelabuhan di negara ini.

Sebagai langkah untuk mengurangkan kesan pengenaan cukai keuntungan berlebihan beberapa peringkat ke atas pendapatan syarikat yang dibahagikan kepada pemilik-pemilik saham, adalah dicadangkan supaya dividen-dividen yang dibahagikan oleh syarikat yang bermastautin di Malaysia kepada syarikat-syarikat pemilik sahamnya (i.e. intercorporate dividends) tidak tertakluk kepada cukai keuntungan berlebihan.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 3***Penentuan tarif pemastautinan dan percukaian bagi pakar-pakar asing***

Ciri-ciri penentuan yang diperuntukan pada masa ini di bawah seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan bagi menentukan taraf pemastautinan seseorang pembayar cukai didapati tidak memberi apa-apa kelonggaran dan telah menyebabkan setengah pembayar-pembayar cukai tertentu dikenakan cukai sebagai bukan-pemastautin dengan kadar sebanyak 40% walhal adalah lebih menasabah mengenakan cukai ke atas mereka sebagai pemastautin dengan kadar mengikut jadual yang bergantung kepada keadaan yang berkaitan. Peruntukan mengenai penentuan pada masa ini terdapat dalam seksyen 7 (1) (9b) yang memperuntukkan bahawa seseorang individu dapat melayakkan diri sebagai pemastautin bagi tahun asas walaupun jika ia tinggal di Malaysia dalam tahun asas untuk tempoh kurang daripada 182 hari dengan syarat tempoh tersebut adalah sebahagian daripada tempoh lebih daripada 182 hari secara berterusan yang ia tinggal di sini sama ada dalam tahun asas sebelum atau selepas tahun asas.

Syarat mengenai tinggal secara berterusan ini dirasai terlalu ketat ke atas pakar-pakar asing, terutama mereka yang tiba dalam setengah tahun yang kedua dan tidak dapat melayakkan diri sebagai pemastautin di bawah syarat penentuan pemastautin pertama (yang memerlukan tinggal selama 182 hari atau lebih dalam satu tahun asas), atau kedua-dua syarat lagi di bawah seksyen 7 (1) (c) (d) yang melibatkan tiga tahun asas atau lebih. Ini adalah kerana pakar-pakar asing pada umumnya berkhidmat di Malaysia untuk tempoh lebih kurang 2 tahun. Seksyen 7 (1) (b) yang merupakan satu-satunya seksyen yang berkaitan kepada mereka bagi melayakkan diri menjadi pemastautin sebagaimana terdapat pada masa ini tidak membenarkan mereka meninggalkan negeri ini untuk apa-apa tujuan termasuk perniagaan atau urusan rasmi walaupun untuk sehari. Ini adalah satu ciri yang tidak menggalakkan dalam Akta tersebut dan boleh menghalang kemasukan pakar-pakar asing dari luar negeri yang diperlukan oleh Malaysia.

Adalah dicadangkan bagi maksud-maksud seksyen 7 (1) (b), meninggalkan Malaysia buat sementara kerana (i) perkara-perkara perkhidmatan, (ii) menghadiri persidangan, seminar atau belajar di luar negeri berhubung dengan perkhidmatan di Malaysia, (iii) masalah kesihatan yang meligatkan mana-mana anggota keluarga, dan (iv) lawatan-lawatan sosial tidak melebihi 14 hari, boleh diterima, sebagai satu peraturan dan bukannya dengan budibicara, sebagai sebahagian daripada tempoh yang layak dikira bagi menentukan tempoh tinggal di Malaysia untuk maksud menentukan taraf bermastautin.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 4*Pemansuhan cukai tokok atas kapal-kapal*

Pada masa sekarang kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia dikenakan cukai tokok 5% dan bagi kapal-kapal yang beratnya kurang daripada 26 tan metrik dikenakan juga duti impot sebanyak 25%. Ini adalah dianggap berlawanan dengan tujuan kerajaan hendak menggalakkan kapal-kapal didaftarkan di Malaysia.

Bagi menggalakkan supaya kapal-kapal didaftarkan di Malaysia di samping memberi perlindungan kepada pembina-pembina kapal tempatan adalah dicadangkan cukai tokok 5% atas kapal-kapal yang melebihi 26 tan metrik berat kasarnya dimansuhkan.

Lampiran 5

Pengecualian cukai ke atas pelaut-pelaut yang berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia yang berdaftar

Dasar Malaysia untuk menjadi sebuah negara perkапalan pada masa ini menghadapi sedikit masalah mengenai pengambilan anak-anak kapal. Rakyat Malaysia yang dilatih sebagai pelaut ramai berpindah kepada kapal-kapal asing yang menawarkan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik dan juga keistimewaan-keistimewaan cukai. Perpindahan ini telah mengurangkan bilangan pelaut-pelaut Malaysia yang ada dan sukar pula diganti, memandangkan yang penawaran pelaut-pelaut terlatih adalah merupakan satu proses yang sangat lambat. Dengan itu adalah perlu disediakan galakan-galakan untuk menggalakkan pelaut-pelaut Malaysia yang terlatih kekal berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia dan juga menarik balik pelaut-pelaut Malaysia yang pada masa ini berkhidmat di kapal-kapal asing.

Untuk menyediakan galakan yang dinyatakan di atas, adalah dicadangkan bahawa :

- (i) Gaji pelaut-pelaut yang belayar ke negara-negara asing dikecualikan sepenuhnya dari cukai pendapatan dengan syarat ia berada di luar negeri dan berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia di perairan antarabangsa sepanjang tempoh tahun asas bagi satu-satu tahun taksiran. Lawatan balik ke Malaysia tidak dianggap sebagai membatalkan tempoh mereka tidak berada di dalam negeri dengan syarat tempoh berada di Malaysia tidak melebihi daripada 60 hari dalam sesuatu tahun. Demikian juga dengan cuti yang dihabiskan di luar Malaysia tidak dianggap membatalkan tempoh kelayakan mereka tidak berada di Malaysia.
- (ii) Bagi lain-lain pelaut yang berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia yang belayar di perairan antarabangsa dan berada di luar negeri dalam tempoh sebahagian sahaja daripada tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran, pendapatan "statutory" dari pekerjaan itu akan dikurangkan mengikut kadar masa yang ia tinggal di luar negeri dalam masa tahun asas itu.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 6*Cadangan untuk meminda akta atas keuntungan harta tanah, 1976*

Peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Cukai Atas Keuntungan Harta Tanah pada masa ini adalah dikenakan kepada semua orang sama ada bermastautin atau tidak di Malaysia. Dengan itu orang-orang asing juga dikenakan kadar cukai yang menurun (bergantung kepada tempoh pemilikan harta berkenaan), menikmati pengecualian bagi sebuah rumah tanpa mengira sama ada didiami atau tidak dan lain-lain pelepasan cukai yang dibenarkan.

Ini telah menjadi tarikan kepada orang-orang asing melabur dengan membeli rumah di Malaysia dan menikmati pengecualian tanpa mendiami rumah tersebut. Satu langkah mengetarkan lagi Akta Cukai Atas Keuntungan Harta Tanah adalah perlu dalam keadaan begini bagi mengurangkan pelaburan selanjutnya oleh orang-orang asing dalam harta tetap kerana pelaburan sedemikian adalah tidak diperlukan oleh Malaysia.

Adalah dicadangkan supaya :

- (i) struktur kadar Cukai Atas Keuntungan Harta Tanah yang menurun (mengikut lama masa pemilikan) tidak dikenakan kepada orang perseorangan asing atau bukan warga-negara yang tidak bermastautin atas harta tetap yang dibeli oleh mereka selepas Hari Belanjawan dan mereka akan dikenakan cukai pada kadar 40% atas harta yang dimiliki selepas Hari Belanjawan;
- (ii) pengecualian atas keuntungan berikutan pelupusan sebuah rumah dan pengecualian atas \$5,000 atau 10 peratus keuntungan dari sesuatu pelupusan yang mana lebih tinggi akan dihadkan kepada rakyat Malaysia atau bermastautin sahaja.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai dari Hari Belanjawan.

Lampiran 7

Pengecualian cukai ke atas pemilik-pemilik rumah yang tidak dapat mendiami rumah-rumah mereka

Peruntukan yang ada sekarang di bawah Akta Cukai Pendapatan, membenarkan pemilik rumah dikecualikan dari cukai atas nilai sewa yang diandaikan bagi rumah yang dimiliki dan didiami tetapi tiada peruntukan yang membenarkan keadaan ini diteruskan apabila ia terpaksa berpindah ke tempat lain sekalipun berhubung dengan soal perkhidmatannya dan tidak dapat mendiami rumahnya sendiri. Selalunya apabila seseorang ditukarkan ia akan menyewakan rumahnya dan sewanya yang diterima olehnya adalah dikenakan cukai walhal semasa dia mendiami rumah tersebut, ia diberikan pengecualian. Di tempat dia bekerja yang baru dia menjadi pemilik-menyejua (tenant-rental) dan kena membayar sewa yang mungkin dibayai dari sewa yang diterima dari rumahnya yang telah disewakan. Walau bagaimanapun kerana sewa yang diterima dari rumahnya yang disewakannya adalah dikenakan cukai, maka penerimaan bersih selepas cukai adalah tidak mencukupi untuk menampung bayaran sewa di tempat tinggalnya yang baru (atau jika ia masih membuat bayaran-bayaran ansuran atas rumah, untuk membayar ansuran bulanan rumahnya). Kedudukannya menjadi lebih berat lagi jika pemilik rumah itu bertukar dari kawasan yang sewanya rendah iaitu di mana terletak rumahnya ke kawasan yang sewanya tinggi di mana ia sekarang menjadi pemilik-menyejua.

Dari keadaan-keadaan inilah maka pemilik-pemilik rumah yang dapat mendiami rumahnya memohon diberi persamaan dalam cukai yang dikenakan dengan kedudukannya yang asal sebagai penghuni-pemilik terutama jika mereka mengosongkan rumah mereka disebabkan oleh berpindah kerana hal-hal berkaitan dengan perkhidmatannya.

Dari keadaan di atas, adalah dicadangkan pengecualian diberikan ke atas pendapatan sewaan rumah di mana tuanpunya tidak dapat menduduki rumah tersebut kerana ditukarkan; (ke tempat yang lebih dari 20 batu dari tempat tinggalnya yang asal) atas sebab-sebab perkhidmatan atau perniagaan.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa dari tahun taksiran 1981.

Lampiran 8*Industri binaan*

Bagi menambah bilangan pekerja-pekerja mahir dalam tempoh masa yang singkat, adalah dicadangkan supaya satu program latihan di tempat kerja selama 3 bulan dijalankan oleh jurulatih yang disediakan oleh kontrektor/pemaju. Latihan ini akan berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat setelah berunding dengan sektor swasta.

Rangkaian galakan bagi menyokong program latihan di atas akan mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) kepada jurulatih kerajaan akan menyediakan \$23 sehari; dan
- (ii) potongan dua kali bagi tujuan cukai pendapatan atas semua perbelanjaan yang ditanggung oleh pemaju atau kontrektor dalam pengambilan bekerja pelatih-pelatih bagi latihan 3-bulan yang diluluskan.

Adalah dicadangkan juga supaya elaun permulaan ke atas mesin binaan dinaikkan dari 20% ke 30%.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 9*Perubahan-perubahan yang dicadangkan atas duti-duti import*

Duti import dikenakan adalah dengan tujuan mendapat hasil atau untuk melindungi perusahaan tempatan. Duti-duti ini disemak tiap-tiap tahun agar bersesuaian dengan matlamat-matlamat kerajaan.

Bagi Belanjawan tahun 1981, adalah dicadangkan duti-duti import atas barang-barang berikut dikurang atau dihapuskan:

(i) *Alat-alat muzik*

Untuk menggalakkan belia-belia kita menceburi bidang muzik dan dengan itu menjauhkan mereka daripada aktiviti-aktiviti yang tidak dikehendaki, adalah dicadangkan duti-duti import ke atas semua alat-alat muzik, kecuali piano dan organ, dihapuskan. Adalah dirasa duti-duti import atas piano dan organ perlu dikekalkan pada tingkat sekarang kerana alat-alat ini kebanyakannya dibeli oleh golongan orang-orang kaya.

(ii) *Mikropon (microphones)*

Duti import atas mikropon ialah sebanyak 35%. Oleh kerana mikropon bukanlah alat muzik, adalah dicadangkan duti import dikurangkan menjadi 25%.

(iii) *Pembesar suara dan amplifier*

Pada masa ini terdapat duti import bagi tujuan perlindungan sebanyak 45% atas pembesar suara dan amplifier. Tetapi pembuat-pembuat tempatan tidak mengeluarkan pembesar suara dan amplifier yang digunakan oleh ahli-ahli muzik atau kumpulan-kumpulan muzik. Adalah dicadangkan duti import atas barang-barang ini dikurangkan kepada 35%. Pembuat-pembuat tempatan telah menikmati perlindungan tarif lebih daripada 2 tahun.

(iv) *Kamera cinematografik dan lain-lain alat berhubung dengan pembuatan filem*

Pada masa ini, duti atas filem untuk cinematografik adalah sebanyak 5% dan duti atas kamera-kamera untuk cinematografik dan lain-lain alat yang berkaitan sebanyak 20%. Dengan tujuan untuk menggalakkan perkembangan perusahaan perfileman tempatan, adalah dicadangkan duti import atas filem dan kamera untuk cinematografi dan lain-lain alat yang berkaitan dihapuskan.

(v) *Alat timbang-menimbang*

Duti ke atas alat timbang-menimbang adalah antara 15% hingga 50%. Ini merupakan duti perlindungan. Pada masa ini tidak ada pembuat tempatan yang mengeluarkan alat-alat tersebut. Oleh yang demikian dan untuk menggalakkan kalangan perniagaan menukar kepada sistem metrik, adalah dicadangkan duti atas barang ini dihapuskan.

Senarai yang menunjukkan kadar-kadar duti sekarang dan yang dicadangkan adalah seperti dalam Jadual I. Kehilangan hasil adalah dianggarkan sebanyak \$5.0 juta.

(vi) *Kenaikan duti impot ke atas minuman keras dan rokok*

Pada masa ini kadar spesifik duti telah memberikan kesan yang tidak seimbang kepada cukai minuman keras. Bagi jenis-jenis beer atau wine yang murah, unsur duti mungkin melebihi nilainya manakala bagi minuman yang lebih mahal seperti brandy dan whisky, unsur duti merupakan bahagian yang kecil sahaja daripada nilainya.

Adalah dicadangkan supaya minuman keras dikenakan duti impot dengan kadar spesifik dan kadar ad valorem impot yang mana lebih tinggi. Adalah juga dicadangkan supaya kadar spesifik dinaikkan sebanyak 10% dan duti ad valorem minima pada kadar 45% diperkenalkan. Bagi tembakau dan rokok adalah dicadangkan supaya kadar yang ada sekarang dinaikkan sebanyak 20%. Struktur duti yang baru untuk minuman keras dan rokok seperti ditunjukkan di Jadual II.

Anggaran tambahan hasil yang akan dipungut ialah sebanyak \$42.0 juta setahun.

Lampiran 10**Cadangan menaikkan duti eksais atas minuman keras dan tembakau**

Berikutnya dari kenaikan atas duti import bagi minuman keras dan tembakau maka pekilang-pekilang tempatan yang mengeluarkan kedua-dua jenis barang ini dengan sendirinya mendapat perlindungan yang lebih tinggi kecuali duti eksais ke atas kedua-dua jenis barang ini juga dinaikkan dengan kadar yang sama banyak.

Salah satu tujuan menaikkan duti import atas minuman keras dan rokok ialah untuk tidak menggalakkan penduduk meminum minuman keras dan merokok tanpa mengira sama ada barang itu diimport ataupun dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan.

Dari itu adalah dicadangkan supaya duti eksais atas minuman keras dan rokok yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan dinaikkan seperti berikut:

<i>Perkara</i>	<i>Keterangan barang</i>	<i>Duti eksais</i>	<i>Duti eksais</i>
----------------	--------------------------	--------------------	--------------------

BIR DIPERBUAT DARI MALT:

2.4	Bir dan ale	\$1.14 se liter	\$1.25/liter
2.5	Stout dan porter	\$1.14 se liter	\$1.25/liter
3.1	Rokok termasuk kertas dan "filter tips" ..	\$3.64/kg	\$4.37/kg

JADUAL I

<i>Kod</i>	<i>Perkara</i>	<i>Sekarang</i>	<i>Cadangan</i>
------------	----------------	-----------------	-----------------

37.02 FILMS IN ROLLS, SENSITISED UNEXPOSED, PERFORATED OR NOT:

100	Cinematograph	5%	Nil
200 (new)	For use with x-rays	Nil

84.20 WEIGHING MACHINERY:

110	dacing	50%	Nil
120	platform scales of a capacity not exceeding 120 kg.	50% or \$50 each whichever is the higher		Nil
130	platform scales of a capacity exceeding 120 kg. but not exceeding 180 kg.	35%	Nil
140	platform scales of a capacity exceeding 180 kg.	15%	Nil
150	weighbridges	15%	Nil
190	others	15%	Nil

85.14 MICROPHONES AND STANDS THEREOF, LOUD-SPEAKERS, AUDIO-FREQUENCY ELECTRIC AMPLIFIERS:

110	microphone, including stands	35%	25%
120	loudspeakers	45%	35%
130	amplifiers	45%	35%

<i>Kod</i>	<i>Perkara</i>		<i>Sekarang</i>		<i>Cadangan</i>
90.08	CINEMATOGRAPHIC CAMERAS, PROJECTORS AND OTHER EQUIPMENT FOR FILM MORE THAN 16 M.M.:				
210	cameras	20%	Nil
220	sound recorders	20%	Nil
230	combined camera/sound recorder	20%	Nil
240	projectors	20%	Nil
250	sound reproducers	20%	Nil
260	combined projector/sound reproducer type apparatus	20%	Nil
900	parts and accessories	20%	Nil
92.02	OTHER STRING MUSICAL INSTRUMENTS:				
100	bow instruments	25%	Nil
200	plucked string instruments	25%	Nil
900	other	25%	Nil
92.04 000	Accordians	25%	Nil
92.05 000	Other wind musical instruments	25%	Nil
92.06 000	Percussion musical instruments	25%	Nil
92.07 000	Electro-magnetic, electrostatic, electronic and similar musical instruments	25%	Nil
92.08 000	Musical instruments not falling within any other heading of this chapter	25%	Nil
92.10	PARTS AND ACCESSORIES OF MUSICAL INSTRUMENTS:				
100	perforated music rolls	25%	Nil
900	other	25%	Nil
					JADUAL II
22.03	BEER MADE FROM MALT:				
100	beer and ale	\$2.38 per litre	..	\$2.62 per litre or 45% whichever is higher	
200	stout and porter	\$2.38 per litre	..	\$2.62 per litre or 45% whichever is higher	
22.04 000	Grape must	\$216.89 per p. dal.	..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher	
22.05	WINE OF FRESH GRAPES:				
	Still wines—				
110	not exceeding 26° proof spirit ..	\$4.18 per litre	..	\$4.60 per litre or 45% whichever is higher	
120	exceeding 26° but not exceeding 42° proof spirit ..	\$6.69 per litre	..	\$7.36 per litre or 45% whichever is higher	
130	exceeding 42° proof spirit	\$216.89 per. p. dal.	..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher	

Kod	Perkara		Sekarang		Cadangan
Sparkling wines—					
310	not exceeding 42° proof spirit	\$13.35 per litre ..	\$14.69 per litre or 45% whichever is higher		
320	exceeding 42° proof spirit	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
22.06 VERMOUTHS AND OTHER WINES:					
100	not exceeding 26° proof spirit	\$4.18 per litre ..	\$4.60 per litre or 45% whichever is higher		
200	exceeding 26° but not exceeding 42° proof spirit	\$6.69 per litre ..	\$7.36 per litre or 45% whichever is higher		
300	exceeding 42° proof spirit	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
22.07 OTHER FERMENTED BEVERAGES:					
100	cider	\$2.11 per litre ..	\$2.32 per litre or 45% whichever is higher		
200	sake	\$133.52 per p. dal ..	\$146.87 per p. dal or 45% whichever is higher		
300	mead	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
400	wines from fruits	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
900	other	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
22.08 ETHYL ALCOHOL:					
100	ethyl alcohol with 140 proof	\$132.64 per p. dal ..	\$145.90 per p. dal or 45% whichever is higher		
200	ethyl alcohol denatured	51 sen per litre ..	56 sen per litre or 45% whichever is higher		
22.09 SPIRITS AND LIQUOR:					
Whisky—					
110	in bottle not exceeding 81° proof spirit	\$18.37 per litre ..	\$20.21 per litre or 45% whichever is higher		
190	other	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
Brandy—					
211	in bottle not exceeding 81° proof spirit	\$18.37 per litre ..	\$20.21 per litre or 45% whichever is higher		
219	other	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
290	other	\$216.89 per p. dal ..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher		
Gin—					
911	in bottle not exceeding 81° proof spirit	\$15.02 per litre ..	\$16.52 per litre or 45% whichever is higher		
919	other	\$183.67 per p. dal ..	\$202.04 per p. dal or 45% whichever is higher		

<i>Kod</i>	<i>Perkara</i>		<i>Sekarang</i>		<i>Cadangan</i>
Rum—					
921	in bottle not exceeding 81° proof spirit		\$15.02 per litre	..	\$16.52 per litre or 45% whichever is higher
929	other		\$183.67 per p. dal	..	\$202.04 per p. dal or 45% whichever is higher
930	liqueurs, bitters		\$18.37 per litre	..	\$20.21 per litre or 45% whichever is higher
940	samsoo		\$133.52 per p. dal	..	\$146.87 per p. dal or 45% whichever is higher
950	arrack		\$133.52 per p. dal	..	\$146.87 per p. dal or 45% whichever is higher
960	other spirituous beverages		\$216.89 per p. dal	..	\$238.58 per p. dal or 45% whichever is higher
24.01	UNMANUFACTURED TOBACCO:				
100	tobacco, flue cured, Virginia		\$27.12 per kg.	..	\$32.54 per kg.
200	tobacco, other		\$27.12 per kg.	..	\$32.54 per kg.
300	tobacco, wholly or partly stripped, Virginia		\$27.12 per kg.	..	\$32.54 per kg.
400	tobacco, wholly or partly stripped, other		\$27.12 per kg.	..	\$32.54 per kg.
500	tobacco refuse		\$27.12 per kg.	..	\$32.54 per kg.
24.02	MANUFACTURED TOBACCO:				
100	cigars		\$48.50 per kg.	..	\$58.20 per kg.
200	cigarettes		\$36.38 per kg.	..	\$43.66 per kg.
910	beedies		\$15.76 per kg.	..	\$18.91 per kg.
920	snuff		\$38.80 per kg.	..	\$46.56 per kg.
OTHER MANUFACTURED TOBACCO:					
931	in containers		\$24.25 per kg.	..	\$29.10 per kg.
935	other		\$24.25 per kg.	..	\$29.10 per kg.
941	other		\$8.60 per kg.	..	\$10.32 per kg.
949	other		\$23.81 per kg.	..	\$28.37 per kg.
990	other		\$24.25 per kg.	..	\$29.10 per kg.

Lampiran 11*Pengecualian cukai ke atas faedah*

Pertimbangan adalah diberikan kepada cadangan oleh Persatuan Bank-bank dan Bank Negara di mana pengecualian cukai ke atas faedah patut diperluaskan supaya meliputi kira-kira simpanan tetap dan paras pengecualian juga dinaikkan ke paras yang lebih tinggi.

Memandangkan yang simpanan tetap jangka pendek sehingga 1 tahun telah bertambah dengan pesat dalam beberapa tahun, maka tidak ada alasan yang kuat supaya pengecualian diberikan kepada faedah dari simpanan-simpanan tersebut. Walau bagaimana pun matangnya melebihi 12 bulan tidak menarik minat penyimpan-penyimpan. Dari itu ada alasan untuk meluaskan pengecualian meliputi ke atas faedah simpanan tetap jangka panjang bagi menggalakkan lebih banyak wang tersimpan yang mana ini akan membantu langkah membendung inflasi. Dalam masa yang sama, tanpa meluaskan pengecualian ke atas kira-kira tetap jangka pendek, pertumbuhan simpanan dalam kira-kira simpanan tabungan di Bank Simpanan Nasional tidak akan terjejas.

Sebagai cara untuk menambahkan simpanan, adalah dicadangkan supaya dinaikkan jumlah pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi dari simpanan tabungan. Pada masa ini, pelepasan cukai bersamaan kepada jumlah simpanan sebanyak \$30,000. Pengecualian cukai akan dinaikkan untuk meliputi faedah yang diperolehi dari simpanan berjumlah \$50,000. Dari jumlah tersebut, faedah bagi jumlah sehingga \$30,000 bagi simpanan tabungan di Bank Simpanan Nasional dan sehingga \$10,000 bagi simpanan tabungan di bank-bank perdagangan serta lain-lain institusi-institusi kewangan juga akan dikecualikan. Sebagai tambahan, adalah dicadangkan supaya faedah yang diperolehi dari simpanan tetap yang berjumlah sehingga \$10,000 dikecualikan dari cukai pendapatan dengan syarat simpanan tersebut mempunyai tempoh matang melebihi 12 bulan.

Implikasi dari cadangan di atas ialah kehilangan hasil sebanyak \$1.0 juta.

Lampiran 12*Cadangan menaikkan cukai jalan atas kereta-kereta persendirian*

Pada masa sekarang cukai jalan ke atas kereta 100 c.c. ialah \$130; bagi kereta 1500 c.c. ialah \$105; bagi kereta 1000 c.c. ialah \$290; bagi kereta 2500 c.c. ialah \$385; bagi kereta 3000 c.c. ialah \$490 setahun.

Dengan tujuan untuk menjimatkan penggunaan barang petroliam dan memandangkan masalah bekalan minyak yang dihadapi oleh dunia pada masa ini, adalah dicadangkan supaya struktur kadar cukai jalan yang ada sekarang dijadikan lebih progresif lagi bagi kenderaan bermotor persendirian yang menggunakan lebih banyak minyak. Cukai yang lebih tinggi akan dikenakan ke atas kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol dan minyak disel.

Struktur cukai jalan yang dicadang bagi kereta-kereta menggunakan minyak petrol adalah seperti berikut:

<i>Keupayaan Injen</i>		<i>Sekarang</i>	<i>Dicadang</i>	<i>Sekarang</i>	<i>Dicadang</i>
1. 1,000 c.c. yang pertama	13 sen/c.c.	13 sen/c.c.	\$130	\$130
2. 500 c.c. berikutnya	..	15 sen/c.c.	15 sen/c.c.	+ 75	+75
				\$205	\$205
3. 500 c.c. berikutnya	..	17 sen/c.c.	30 sen/c.c.	+\$ 85	+\$150
				\$290	\$355
4. 500 c.c. berikutnya	..	19 sen/c.c.	50 sen/c.c.	+\$ 95	+\$250
				\$385	\$605
5. 500 c.c. berikutnya	..	21 sen/c.c.	80 sen/c.c.	+\$105	+\$400
				\$490	\$1,005
6. Bakinya	23 sen/c.c.	\$1.20/c.c.	+\$115	+\$600
				\$605	\$1,605*

* Andaian kereta 3,500 c.c.

Perubahan di atas tidak akan melibatkan cukai jalan bagi teksi, bas dan lain-lain kenderaan awam.

Mengenai kereta persendirian menggunakan minyak disel, cukai jalan yang kena dibayar akan kekal dengan kadar sekarang iaitu 5 kali ganda atas cukai yang kena dibayar oleh kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol.

Lampiran 13***Nilai warta bagi getah***

Pada masa ini nilai warta untuk getah bagi tujuan mengira duti eksport adalah berdasarkan harga purata RSS 1 untuk tempoh empat minggu sebelumnya. Pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan kira-kira 50% daripada getah yang dieksport berada dalam keadaan yang tidak menguntungkan. Disebabkan tiada kemudahan-kemudahan, mutu getah yang mereka keluarkan adalah rendah. Oleh kerana duti eksport atas getah dikira berasaskan harga RSS 1, maka sebenarnya pekebun-pekebun kecil membayar kadar duti yang lebih tinggi daripada yang sepatut mereka bayar berdasarkan mutu getah yang dieksport. Dari itu adalah lebih menasabah dan lebih adil supaya diubah nilai warta getah yang ada sekarang untuk tujuan mengira duti.

Cadangan meminda asas pengiraan nilai diwartakan untuk tujuan duti akan melibatkan kerugian hasil. Kerugian ini bergantung ke atas gred-gred getah yang digunakan untuk pengiraan duti eksport. Jika RSS 3 iaitu gred getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil digunakan sebagai asas pengiraan nilai warta maka kerugian hasil ialah bernilai \$35.3 juta setahun. Kerugian ini boleh dikurangkan jika kerajaan menggunakan harga yang berbeza-beza untuk berbagai gred getah untuk tujuan pengenaan duti eksport.

Berasaskan pandangan di atas adalah dicadangkan nilai-nilai berikut diwartakan :

1. RSS 1
2. RSS 2
3. RSS 3 (termasuk RSS yang lain)
4. SMR CV
5. SMR L
6. SMR 5
7. SMR 10
8. SMR 20
9. SMR 50 (termasuk SMR yang lain)
10. Susu getah—nilai berasaskan RSS 1
11. Lain-lain getah—nilai berasaskan RSS 3

Lampiran 14***Pinjaman pada kadar faedah yang rendah kepada industri-industri kecil***

Pada masa ini walaupun terdapat banyak ejensi-ejensi yang memberi bantuan kewangan kepada industri-industri kecil, tetapi mereka itu masih lagi menghadapi berbagai masalah seperti :

- (i) kekurangan cagaran;
- (ii) kekurangan penjamin-penjamin;
- (iii) kadar faedah yang tinggi; dan
- (iv) kesukaran mendapatkan pinjaman permulaan.

Untuk tujuan membantu industri-industri kecil, adalah dicadangkan supaya kadar faedah ke atas pinjaman tanpa cagaran yang tidak melebihi \$50,000 yang diberikan oleh bank-bank perdagangan kepada mereka ditetapkan pada kadar "prime" (7.5%). Skim pinjaman ini akan ditadbirkan oleh C.G.C.

Kerugian sebanyak 2% yang ditanggung oleh bank-bank perdagangan ke atas pinjaman tanpa cagaran kepada industri-industri kecil itu akan diganti oleh kerajaan, melalui ribet cukai pendapatan.

Cadangan di atas akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Lampiran 15*Potongan dua kali bagi bayaran faedah*

Pada masa ini, perbelanjaan atas faedah dibenarkan ditolak dari pendapatan jika pinjaman yang diperolehi itu digunakan untuk tujuan-tujuan perniagaan.

Dengan matlamat hendak memberi pelepasan yang lebih kepada industri-industri secara kecil-kecilan, adalah dicadang supaya industri-industri ini dibenarkan potongan dua kali atas bayaran faedah yang dibayar atas pinjaman tanpa cagaran di bawah sekim Perbadanan Jaminan Kredit.

Cadangan di atas ini akan berkuatkuasa mulai 1-1-1981.

Lampiran 16

Cadangan menurunkan bayaran lesen kepada pekilang-pekilang “bleaching disinfectant solution”

Pekilang-pekilang “bleaching disinfectant solution” adalah kebanyakannya kecil dijalankan oleh ahli-ahli keluarga. Ia adalah perusahaan secara kecilan melibatkan proses yang mudah dan ia tertakluk kepada bayaran eksais sebanyak \$2,400 setahun dan duti eksais sebanyak 4 sen sekilogram atas keluarannya.

Bagi membantu golongan pekilang-pekilang kecil ini adalah dicadangkan supaya yuran lesen eksais bagi mereka yang mengeluarkan kurang dari 81,638 kg. dikurangkan menjadi \$120 setahun.

Lampiran 17*Duti stem atas perjanjian-perjanjian pinjaman*

Kadar duti stem atas perjanjian-perjanjian pinjaman ialah 0.5% atas nilai pinjaman tersebut. Kadar ini adalah agak tinggi dan bayaran duti stem pada kadar ini akan meninggikan kos pinjaman seseorang itu. Misalnya, perjanjian bagi pinjaman sebanyak \$50,000 akan dikenakan duti stem sebanyak \$250.

Dari itu adalah dicadangkan kadar duti stem bagi pinjaman-pinjaman yang tidak melebihi \$250,000 oleh industri kecil yang layak diturunkan dari 0.5% kepada 0.1%.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1-1-1981.

Lampiran 18*Duti stem atas perjanjian-perjanjian pajakan*

Pada masa ini perjanjian-perjanjian pajakan adalah dikenakan duti stem pada kadar yang berbedza-bedza dari 0.4% hingga 1.6%, bergantung kepada tempoh masa pajakan tersebut.

Bagi meringankan industri kecil dari duti ini, adalah dicadangkan supaya semua perjanjian pajakan yang bayaran sewa tidak melebihi \$2,400 setahun dikecualikan dari duti stem.

Cadangan ini membawa kepada kehilangan hasil yang kecil sahaja.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1-1-1981.

Lampiran 19

Calakan-galakan bagi pembangunan industri-industri secara kecil-kecilan

Cukai tidak langsung

Pengecualian cukai jualan

Cukai jualan telah diperkenalkan pada tahun 1972 dan telah dikenakan ke atas barang-barang yang dikeluarkan di negara ini dan juga diimport. Pekiling-pekilang tempatan adalah dikehendaki mendapatkan lesen cukai jualan jika barang yang mereka keluarkan tertakluk kepada cukai jualan. Bagi melepaskan pekilang-pekilang kecil daripada mengenakan dan memungut cukai jualan maka pekilang-pekilang yang jumlah jualannya tidak melebihi \$20,000 setahun atau pekilang-pekilang yang menerima upah tidak melebihi \$4,000 setahun adalah dikecualikan dari dikenakan lesen di bawah Akta Cukai Jualan.

Pekilang-pekilang secara kecilan adalah menghadapi berbagai-bagai masalah mengenai cukai jualan. Walaupun setengah pekilang-pekilang secara kecilan dikecualikan dari cukai jualan, ramai di antara mereka terperangkap di bawah Akta Cukai Jualan. Had pengecualian sebanyak \$20,000 setahun sekarang adalah rendah. Ini bererti hanya pekilang yang mempunyai jumlah jualan kira-kira \$70 sehari sahaja yang dikecualikan.

Pekilang-pekilang secara kecilan juga menghadapi masalah mendapatkan bahan-bahan mentah tanpa dikenakan cukai jualan. Seksyen 9 Akta tersebut membenarkan pekilang-pekilang berlesen mendapat bahan-bahan mentah tanpa membayar cukai jualan dengan menggunakan Borang C.J. 5. Walau bagaimanapun oleh kerana pembelian mereka adalah kecil, mereka tidak dapat menikmati faedah dari kemudahan ini.

Dari itu adalah dicadangkan supaya pekilang-pekilang yang jumlah jualannya tidak melebihi \$100,000 atau menerima upah tidak melebihi \$20,000 setahun dikecualikan dari dikenakan lesen di bawah Akta Cukai Jualan.

Semakan atas had pelepasan cukai pembangunan

Cukai pembangunan adalah dikenakan dengan kadar 5% atas pendapatan daripada sumber pembangunan yang meliputi perniagaan, pekerjaan dan juga sewa. Mengenai cukai pembangunan kepada orang perseorangan, pelepasan adalah diberikan iaitu pada had yang tidak memberatkan mereka yang berpendapatan rendah. Pengecualian sekarang ialah \$3,000. Disebabkan kenaikan dalam kos sarahidup dan pelepasan perseorangan dalam pengiraan cukai pendapatan atas orang perseorangan telah dinaikkan dalam Belanjawan tahun 1980, adalah berpatutan yang had pelepasan cukai pembangunan dinaikkan juga. Menaikkan had pelepasan cukai pembangunan ini adalah juga diperlukan bagi memberi satu bentuk pelepasan kepada peniaga-peniaga kecil yang menceburkan diri dalam industri-industri secara kecilan.

Adalah dicadangkan supaya had pelepasan cukai pembangunan ini dinaikkan dari \$3,000 kepada \$5,000 bagi orang perseorangan. Adalah juga dicadangkan supaya seorang rakan kongsi di dalam sesebuah perkongsian diberikan pelepasan yang sama dan satu had pengecualian yang rendah iaitu \$2,000 bagi seorang rakan kongsi yang dinikmati sekarang ini dimansuhkan bagi menyamakan kedudukannya dengan orang perseorangan.

Cadangan di atas ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1981.

Implikasi cadangan ini ialah kehilangan hasil sebanyak \$1.0 juta.